

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 10
HINGGA 65)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9 [RUJUK
PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

Nuraishah Abdullah
CAWANGAN
PERUNDANGAN PARLIMEN
MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

JAWAB LISAN

DARI PAD A

TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH

10 APRIL 2012(SELASA)

SOALAN

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kesahihan kewujudan Puteri Hang Li Po dan Hang Tuah lima bersaudara dengan menyatakan sumber-sumber yang sahih sebagai rujukan bukti.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kesahihan kewujudan Puteri Hang Li Po dan Hang Tuah lima bersaudara belum dapat dibuktikan secara emperikal melalui fakta sejarah tetapi disebut dalam Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu. Karya agung Sulalat al-Salatin atau Sejarah Melayu yang ditulis oleh Tun Sri Lanang mengandungi dua (2) bab yang menceritakan tentang Hang Tuah iaitu di Bab 9 dan 25 manakala satu (1) bab tentang Puteri Hang Li Po iaitu di Bab 9.

Kisah Hang Tuah lima bersaudara adalah sebatи dalam masyarakat Melayu dan menjadi sebahagian daripada Warisan Kebudayaan Tidak

SOALAN NO: 10

Ketara (*Intangible Cultural Heritage*) melalui tradisi lisan, pantun, pepatah dan sebagainya. Cerita-cerita ini hidup subur dalam budaya masyarakat seperti Robin Hood atau King Arthur di Barat. Begitu juga dengan kisah-kisah legenda yang lain, yang mana belum mempunyai bukti sejarah sahih namun memainkan peranan dalam budaya masyarakat dan menjadi ikon yang hebat dalam budaya masyarakat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARI PAD A YB DR. RAMASAMY A/L PALANISAMY
[BATU KAWAN]

TARIKH 10 APRIL 2012

SOALAN

Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan Persekutuan akan menambah ataupun memberi subsidi penuh kepada pesakit yang menjalani rawatan dialisis di mana kos terendah bagi setiap rawatan dialisis adalah sekitar RM 110.00 dan kebanyakan pesakit adalah dari golongan berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua

Untuk makluman YB sejak dari tahun 2001, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memberi bantuan subsidi rawatan hemodialisis kepada pesakit miskin dan kurang berkemampuan menjalani rawatan dialisis di pusat-pusat dialisis yang dikendalikan oleh Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO), pada kadar RM50.00 bagi satu sesi rawatan dan pusat-pusat dialisis tidak boleh mengenakan caj melebihi RM60.00 kepada para pesakit. Dengan ini, subsidi

SOALAN NO: 12

rawatan dialisis yang diberi

kepada seorang pesakit ialah RM50.00 untuk sekali rawatan atau RM650.00 sebulan untuk 13 kali rawatan dialisis.

Di samping itu, Kerajaan juga memberi bantuan subsidi suntikan erythropoietin (e-poietin). Bantuan suntikan ini diberikan kepada pesakit-pesakit yang menjalani rawatan hemodialisis di pusat-pusat hemodialisis NGO sebanyak RM30.00 untuk setiap suntikan dan pusat hemodialisis tidak boleh lagi mengenakan sebarang caj kepada pesakit berkenaan. Suntikan ini diberi berdasarkan tahap hemoglobin (hb) pesakit dan jumlah maksimum yang diluluskan adalah sebanyak 3 suntikan seminggu. Dengan ini, bayaran bagi setiap pesakit yang diberi subsidi suntikan e-poietin adalah sebanyak RM390.00 sebulan untuk 13 kali suntikan.

Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM1,040.00 untuk setiap pesakit sebulan bagi subsidi rawatan dialisis dan suntikan e-poietin. Mulai tahun 2001 sehingga 2011, sejumlah 3,348 orang pesakit miskin dan kurang berkemampuan telah mendapat faedah dari subsidi berkenaan yang dirawat di 114 pusat dialisis NGO. Jumlah subsidi rawatan dialisis dan suntikan e-poietin oleh KKM adalah sebanyak RM220.62 juta.

Memandangkan jumlah pesakit miskin yang memerlukan rawatan hemodialisis meningkat setiap tahun, KKM tidak bercadang untuk menambah atau memberi subsidi penuh kepada pesakit ini tetapi akan terus membantu pesakit-pesakit berkenaan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM]

NO. SOALAN: 13

TARIKH : 10 APRIL 2012

Datuk Raime bin Unggi [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelaksanaan program Perusahaan Kecil dan Sederhana Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) dan berapakah jumlah syarikat yang telah dikenal pasti serta dibimbing setakat ini oleh Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU).

JAWAPAN

Program Perusahaan Kecil dan Sederhana Bumiputera Berprestasi Tinggi (TeraS) telah dilancarkan bagi tujuan membangun generasi usahawan Bumiputera bertaraf dunia dalam ke semua 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Program ini bertujuan untuk meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera dalam ekonomi, meningkatkan kapasiti, mempercepatkan pertumbuhan dan berdaya saing di pasaran terbuka tanpa bergantung kepada kontrak kerajaan.

Sehingga Februari 2012, jumlah syarikat TeraS yang telah diumumkan adalah sebanyak 80 syarikat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

DARI PAD A

: Y.B PUAN HAJAH FAUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)

PERTANYAAN

: LISAN

TARIKH

: 10.04.2012

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah permohonan Skim Amanah Rakyat 1 Malaysia (SARA 1 Malaysia) setakat ini.



PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA Y.B. DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS)

PERTANYAAN

TARIKH 10.04.2012 LISA
N

Y.B. Dato' Ngeh Koo Ham minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapakah jumlah yang di peruntukkan oleh Kerajaan untuk program SARA 1 Malaysia dan kenapa Kerajaan meluluskan skim di mana pihak Bank mendapat lebih banyak keuntungan daripada pelabur-pelabur. Kenapa pelabur-pelabur diwajibkan untuk mendapat pinjaman bank.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Beruas serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Kuantan kerana menyentuh perkara yang sama.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Amanah Rakyat 1 Malaysia (SARA) merupakan suatu skim khas yang diperkenalkan oleh Kerajaan bertujuan untuk menggalakkan penyertaan golongan berpendapatan antara RM500 hingga RM3,000 sebulan menabung dan

melabur di samping untuk membantu mereka menangani kesan kenaikan kos sara hidup semasa.

3. Di bawah pelaksanaan skim ini, institusi kewangan yang terlibat menyediakan dana pinjaman kepada 100,000 peserta yang layak memohon pinjaman berjumlah RM500 juta atau RM5.000 bagi setiap peserta untuk tempoh selama 5 tahun untuk melabur dalam 5,000 unit Amanah Saham 1 Malaysia (AS 1M) yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB).

4. Setiap peserta hanya perlu membayar balik pinjaman kepada bank sebanyak RM84 sebulan selama 59 bulan dan RM44 pada bulan ke-60. Peserta akan mendapat 5,000 unit AS 1M di akhir tempoh 5 tahun setelah menjelaskan kesemua komitmen bulanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

5. Skim ini telah dilaksanakan dengan kerjasama empat (4) buah institusi kewangan untuk menyediakan kemudahan pinjaman kepada peserta untuk melabur dalam unit AS 1M. Institusi kewangan tersebut ialah Maybank, CIMB Bank, RHB Bank dan Bank Simpanan Nasional merupakan ejen kepada ASNB. Oleh kerana bank-bank ini mempunyai rangkaian cawangan di seluruh negara yang melebihi 1,300 buah, setiap lapisan masyarakat daripada seluruh pelosok negara, sama ada di bandar maupun di luar bandar akan mendapat peluang yang saksama untuk menyertai skim ini. Rangkaian cawangan yang meluas ini akan memberikan kemudahan kepada peserta untuk membuat bayaran balik pinjaman SARA kelak.

6. Selain itu, pihak bank juga menawarkan suatu pakej istimewa kepada peserta SARA dengan kadar faedah yang rendah. Ini sudah tentu akan dapat membantu SARA dalam menjana pulangan yang munasabah dan pengagihan keuntungan yang berterusan kepada peserta skim ini.

SOALAN15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. DATUK MOHD NASIR BIN IBRAHIM
FIKRI [KUALA NERUS]**

TARIKH

10 APRIL 2012

SOALAN

**Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan:**

Kos promosi Malaysia ke negara China dan Asia Barat bagi tahun 2012

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Nerus, anggaran kos promosi Malaysia ke negara China bagi tahun 2012 adalah berjumlah **RM4.5juta** dan untuk Asia Barat adalah sebanyak **RM5.7juta.**

Bilangan pelancong dari China pada tahun 2011 adalah seramai **1.25 juta orang** iaitu meningkat sebanyak **10.6%** berbanding 2010. Manakala bilangan pelancong dari Asia Barat pada tahun 2011 adalah **358,994 orang** iaitu meningkat sebanyak **12%** berbanding 2010.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISA N
DARIPADA	Y.B. TUAN TAN KOK WAI (CHERAS)
TARIKH	10.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah sekolah baru bagi setiap aliran yang dibina setiap tahun sejak 2009 hingga 2011 dan jumlah peruntukan bagi maksud pembinaan setiap aliran, nyatakan jumlah Sekolah Kebangsaan, SRJK Cina dan Tamil di seluruh negara setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat.

Sepanjang tahun 2009 sehingga 2011, KPM telah membina sebanyak 74 buah sekolah baru, 39 daripadanya terdiri daripada sekolah rendah dengan peruntukan sebanyak RM628.4 juta dan RM1.083 billion bagi pembinaan 35 buah sekolah menengah. Selain itu, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM17.5 juta untuk pembinaan 2 buah SJKC baru bantuan Kerajaan.

SOALAN NO. 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA YB PUAN TAN AH ENG (GELANG PATAH)

TARIKH 10 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

**YB Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
menyatakan sejauh manakah sambutan program Satu Azam di negeri
Johor.**

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) selaku peneraju Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Berpendapatan Rendah (LIH) sentiasa memberikan perhatian terhadap usaha meningkatkan taraf hidup golongan berpendapatan rendah. Langkah ini penting bagi memastikan tiada rakyat

JAWAPAN

Malaysia yang miskin atau tercincir daripada menerima perkhidmatan atau sebarang bantuan kebajikan masyarakat.

Satu daripada inisiatif di bawah NKRA LIH ini ialah Program 1AZAM yang mengandungi 4 komponen iaitu:

- AZAM Niaga dan AZAM Khidmat yang dilaksanakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia;
- AZAM Tani yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani; dan
- AZAM Kerja yang diuruskan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Program 1AZAM ini adalah satu program komprehensif yang berlandaskan konsep peningkatan produktiviti dengan menyediakan peluang menjana pendapatan kepada golongan berpendapatan rendah. Program ini ditawarkan kepada mereka yang tersenarai dalam sistem eKasih serta penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Sehingga 5 Mac 2012, sejumlah 69,048 orang Ketua Isi Rumah (KIR) di seluruh negara telah menyertai Program 1AZAM. Daripada jumlah tersebut, seramai 4,082 orang KIR adalah peserta negeri Johor dengan pecahan berikut:

- i. AZAM Niaga & AZAM Khidmat: seramai 3,172 orang;
- ii. AZAM Tani: seramai 600 orang; dan

iii. AZAM Kerja: seramai 310 orang.

Sebagai kesimpulan, pihak kerajaan menggunakan pendekatan '*productive welfare*' supaya golongan miskin yang memerlukan bantuan kerajaan dapat keluar daripada kepompong kemiskinan dan hidup berdikari.

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA

**Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)
LISAN**

PERTANYAAN

10.04.2012

TARIKH

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan jumlah dana dan pinjaman dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada Kerajaan Persekutuan dari tahun 2001 sehingga 2012 dengan butiran tahunan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya memohon untuk menjawab soalan Yang Berhormat Rembau bersama Yang Berhormat Tanjong yang dijadual dijawab pada 10 April 2012 kerana keduanya menyentuh perkara yang sama.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2001 dana KWSP adalah berjumlah RM184.57 bilion dan jumlah ini telah mencatatkan pertumbuhan pesat dengan peningkatan sebanyak RM258.1 bilion (peningkatan 139.8%) kepada RM442.7 bilion pada tahun 2011. Daripada jumlah ini, sebanyak RM80.2 bilion adalah portfolio pinjaman (2001: RM12.9 bilion) kepada Kerajaan dan agensi Kerajaan. Setakat 29 Februari 2012, KWSP mempunyai pendedahan pinjaman kepada Kerajaan dan agensi Kerajaan

berjumlah RM80.6 bilion.

3. Untuk makluman, pendedahan KWSP kepada institusi korporat pula adalah berjumlah RM13 billion setakat 31 Disember 2011.
4. Berdasarkan rekod semasa tempoh pinjaman KWSP kepada Kerajaan dan agensi Kerajaan adalah dalam lingkungan antara 4 hingga 20 tahun. Pendedahan pelaburan ini adalah dalam bentuk pinjaman berkadar tetap dengan sebahagian besarnya dijamin oleh Kerajaan.
5. Pelaburan KWSP kepada Kerajaan dan fasiliti-fasiliti yang mempunyai jaminan Kerajaan Persekutuan adalah berisiko rendah. Oleh yang demikian, kadar faedah yang dikenakan adalah berpandukan kepada kadar pulangan Sekuriti Kerajaan Malaysia sebagai penanda aras.
6. Rekod pinjaman KWSP juga menunjukkan kualiti aset portfolio pinjaman adalah memuaskan. Prestasi pembayaran balik Kerajaan serta agensi-agensi adalah baik dan mengikut jadual yang ditetapkan sepetimana yang termaktub dalam perjanjian pinjaman. Setakat ini, pendedahan pinjaman kepada Kerajaan mahupun agensi Kerajaan tidak pernah mengalami sebarang keingkaran pembayaran dan tiada pinjaman diklasifikasikan sebagai pinjaman tidak berbayar atau "*Non-Performing Loan*" (NPL).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB SALLEH BIN KALBI

TARIKH 10 APRIL 2012

SOALAN:

NO.SOALAN: 20

YB Salleh bin Kalbi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendirian Kerajaan terhadap nasib kakitangan kontrak di negara ini dan nyatakan jumlah sebenar kakitangan kontrak di negara ini serta apakah jaminan Kerajaan terhadap masa depan mereka.

JAWAPAN: YB PATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan melalui Ketua Jabatan dan pegawai penyelia kepada pegawai kontrak atau sementara sentiasa memberi galakan kepada mereka untuk memohon jawatan tetap kepada Suruhanjaya Perkhidmatan

bersesuaian dengan minat dan kelayakan akademik yang dimiliki. Pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh semasa berkhidmat secara kontrak atau sementara boleh dimanfaatkan terutamanya semasa melalui tapisan pengambilan tetap yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan. Selain itu, ada juga jabatan Kerajaan yang mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dengan syarikat swasta supaya pegawai kontrak diberi peluang pekerjaan yang bersesuaian.

Walau apa pun galakan dan inisiatif oleh Kerajaan, langkah-langkah tersebut tidak meletakkan obligasi dan tanggungjawab di pihak Kerajaan untuk bertindak sebagai pihak pencari pekerjaan bagi pegawai kontrak atau sementara mahu pun menimbang untuk menyerap terus pegawai kontrak dan sementara tanpa perlu melalui tapisan pengambilan oleh Suruhanjaya.

Untuk makluman juga, jumlah keseluruhan pegawai kontrak adalah sebanyak 36 044.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DATO⁵ HAJI MAHFUZ BIN OMAR

[POKOK SENA]

TARIKH

10 APRIL 2012 (RABU)

SOALAN

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengapakah di dalam website jabatan Perdana Menteri (www.pmo.gov.mv) ada halaman (window) khas untuk isteri Perdana Menteri (www.pmo.gov.mv/datinrosmah) adakah isteri Perdana Menteri seorang kakitangan Kerajaan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Sebagaimana yang ahli YB sedia maklum, sejajar dengan perkembangan teknologi semasa, laman web merupakan satu medium yang pantas dan efisyen untuk mengakses maklumat. Dari itu, kewujudan laman web www.pmo.gov.mv/datinrosmah merupakan satu portal yang mengandungi informasi serta maklumat berkaitan program-program seperti PERMATA Negara, PERMATA Pintar, PERMATA Seni, PERMATA Insan dan Perkasa Remaja. Di samping itu, laman web ini juga mempunyai maklumat mengenai program dan aktiviti Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKU) dan Persatuan Pandu Puteri Malaysia di mana YABhg. Isteri YAB Perdana Menteri merupakan Yang DiPertua kepada badan-badan pertubuhan bukan kerajaan tersebut.

Sekian, terima kasih.

NO - Sc7t4 LAti² I - ~~NO AUM : 7~~

~~NO AUF-f~~

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [LABUAN]

TARIKH 10 APRIL 2012

RUJUKAN 4542

SOALAN :

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah bilangan PAT I keseluruhan sehingga kini dipecahkan mengikut negeri, yang telah di putih dan diampunkan dalam proses Pemutihan menyeluruh Pekerja/Pendatang Asing Tanpa Izin (6P).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahli Yang Berhormat Labuan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejumlah 1,303,126 pendatang asing tanpa izin (PATI) telah didaftar dan pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH PATI
SELANGOR	353,30
WP KUALA LUMPUR	6
JOHOR	330,32
PULAU PINANG	1
SABAH	128,06
PERAK	4
WP PUTRAJAYA	76,053
PAHANG	161,54
SARAWAK	
NEGERI SEMBILAN	8
	33,318
KEDAH	55,208
	34,697
MELAKA	46,959
	14,830
TERENGGANU	51,741
	7,029
KELANTAN	
PERLIS	6,884
WP LABUAN	2,579
	589

Proses Pemutihan sehingga 8 Mac 2012 melibatkan 305,413 PAT I. Manakala, bagi Proses Pengampunan, seramai 108,006 orang PAT I telah pulang secara sukarela sehingga 8 Mac 2012.

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua,

Sarawak telah menjalankan Proses Pendaftaran PAT I pada 1 November 2011 sehingga 31 Disember 2011 dan jumlah PAT I yang didaftarkan adalah seramai 22,220 orang.

-Co/HAM -

HQ-AMP—.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN **LISAN**

DARIPADA **TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]**

TARIKH **10 APRIL 2012**

RUJUKAN **4642**

SOALAN

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sekiranya PDRM dan SPRM ada memohon IS09001 bagi meningkatkan tahap perkhidmatan mereka.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kelana Jaya yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah berjaya memperoleh pensijilan ISO 9001:2008 pada tahun 2009. Pensijilan ISO 9001:2008 ini merupakan kesinambungan kepada pensijilan versi ISO 9004:1994 yang diterima pada tahun 2003 dan versi 9001:2000 yang diterima pada tahun 2007. Pensijilan ISO 9001:2008 yang diterima oleh PDRM ini telah mendapat pengiktirafan dari Jabatan Standard Malaysia, *The United Kingdom Accreditation Services (UKAS)* dan *Committee Francais D' Accreditation (COFRAC)* dari Perancis. Pengiktirafan ini telah membolehkan PDRM diiktiraf sebagai satu organisasi yang mengamalkan prosedur kerja berkualiti yang bertaraf piawaian antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua,

Pensijilan ISO 9001:2008 ini dilaksanakan meliputi (5) proses utama di bawah PDRM iaitu Pengurusan Trafik, Mereka bentuk Program Latihan, Pengurusan Dan Penyampaian Kursus, Pengurusan Penyiasatan Jenayah Seksual / Penganiayaan

Kanak-kanak dan Keganasan Rumah tangga, Pengurusan Perlucutahan Harta di bawah Akta Dadah Berbahaya 1988 (Akta 340) dan Pengurusan Siasatan Kes Penipuan Komersial.

Tuan Yang Dipertua,

Sehingga kini sebanyak 27 lokasi telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001:2008 - ini. Walau bagaimanapun, usaha memperluaskan pelaksanaannya ke semua lokasi dalam PDRM sedang giat dijalankan. Program kualiti ini bertindak mengenal pasti, menilai dan mengkaji semula amalan kerja masa kini, termasuk sistem dan prosedur kerja sedia ada, undang-undang dan peraturan yang diguna pakai, peralatan dan kelengkapan yang digunakan serta tahap kemahiran personel organisasi yang melaksanakan tugas harian.

SOALAN NO.: 23

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAO AT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. DATUK ABD. RAHMAN B1M
KAWASAN	BAKU SABAK BERNAM 10 APRIL 2012
TARIKH	(SELASA)

SOALAN:

Y.B. DATUK ABD. RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BE RNAM) minta MENTERI KERJA RAYA menyatakan jumlah peruntukan yang diberikan kepada Kerajaan Negeri Selangor bagi senggaraan jalan negeri bagi tahun 2010, 2011 dan 2012 dan nyatakan sejauh manakah peruntukan ini dibelanjakan dan bagaimanakah Kementerian Ksrja Raya (KKR) memantau bagi memastikan peruntukan ini dibelanjalan secara berkesan dan sewajarnya.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Sistem MakJumat Rekod Jalan Raya Malaysia (***Malaysian Road Records Information System - HARRIS***) ialah merupakan aplikasi pangkalan data yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan bagi merekodkan maklumat mengenai jalan-jalan negeri. Butiran sistem HARRIS ini merangkumi jarak panjang jalan-jalan negeri, jalan perbandaran, jalan porumahan murah dan jalan pelancongan. Data-data ini disediakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan kemudian digunakan oleh Kementerian Kewangan sebagai asas kepada pemberian geran peruntukan tahunan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan-Kerajaan Negeri bagi tujuan penyelenggaraan jalan-jalan terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peruntukan MARRIS yang telah disalurkan Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk tahun 2010 dan 2011 ialah sebanyak f.M3 51.6 juta dan RM368.3 juta. Manakala peruntukan MARRIS bagi tahun 2012 masih lagi dalam peringkat penilaian dan dijanjka akan dimuktamadkan selepas Mewatnya pada pertengahan talian ini. Pemantauan terhadap perbelanjaan peruntukan MARRIS ini adalah diluar bidang kuasa kementerian ini memandangkan geran tahunan tersebut merupakan hak Kerajaan Negeri sebagaimana yang termaktuib dalam Perkara 109 (l)(b), Perlumbagaan Persekutuan. Sehubungan itu adalah menjadi tanggungjawab kepada Kerajaan Negeri yang terlibat

untuk

memastikan geran peruntukan itu digunakan bagi tujuan penyel
mggaraan jaian-jalan negeri yang berdaftar di dalam sistem MARRIS
sahaiii.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN HIEW KING CHEAU
(KOTA KINABALU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10.04.2012

Y.B. TUAN HIEW KING CHEAU [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengapa Ringgit Malaysia telah jatuh nilai berbanding dengan Dolar Brunei dan Singapura. Mengapa sesetengah negara luar tidak mahu menerima Ringgit Malaysia, walaupun untuk pertukaran mata wang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prestasi kadar pertukaran mata wang setiap negara berbeza dari semasa ke semasa, bergantung kepada keadaan luaran dan perkembangan dalam negeri sesebuah negara. Sehubungan ini, nilai ringgit adalah ditentukan oleh kuasa pasaran, iaitu permintaan dan

NO SOALAN :

penawaran untuk ringgit di pasaran tukaran asing. Oleh itu, prestasi ringgit berbanding dolar Singapura boleh bertukar dari penambahan nilai ke penyusutan nilai mengikut tempoh masa yang dirujuk. Sebagai contoh, walaupun ringgit menyusut nilai sebanyak 2.3% berbanding dolar Singapura pada tahun 2011, jika kita melihat pada jangka masa yang lebih panjang, sejak 2010 sehingga 2 April 2012, ringgit sebenarnya telah menambah nilai berbanding dolar Singapura sebanyak 0.1%.

2. Untuk makluman Ah Li Yang Berhormat,
Singapura menggunakan kadar pertukaran sebagai instrumen dasar monetari untuk mengekalkan kestabilan harga. Manakala, Brunei melalui sistem Lembaga Mata Wang (currency board), menetapkan kadar mata wangnya setara dengan dolar Singapura. Oleh itu, apabila dolar Singapura mengukuh, dolar Brunei juga akan turut meningkat. Ini berbeza dengan Malaysia yang menggunakan kadar faedah sebagai instrumen dasar monetari untuk memastikan kestabilan harga dalam keadaan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Sejak kebelakangan ini, kadar inflasi di Singapura telah menunjukkan peningkatan. Sehubungan dengan itu, keputusan penggubal dasar di negara itu untuk mengukuhkan nilai mata wang dolar Singapura adalah tidak menghairankan kerana ianya bertujuan untuk membendung tekanan inflasi yang dihadapi oleh negara tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. M alaysia masih mengamalkan dasar "non-internationalisation of ringgit" di mana mata wang ringgit tidak diurus niaga di luar negara. Dasar ini diamalkan untuk memastikan nilai mata wang ringgit tidak dipengaruhi oleh aktiviti-aktiviti spekulasi di luar negara. Antara langkah yang diambil supaya ringgit tidak diurus niaga di luar negara adalah dengan memastikan kesemua urus niaga ringgit hanya dibuat dengan bank-bank berlesen di Malaysia.

4. W alau bagaimanapun, Malaysia mempunyai dasar peraturan pentadbiran pertukaran asing semasa yang liberal untuk meningkatkan kecekapan perniagaan dan daya saing dalam persekitaran ekonomi dan kewangan global. Ini termasuk peraturan yang membenarkan penyelesaian perdagangan antarabangsa bagi barang dan perkhidmatan antara pemastautin dan bukan pemastautin dibuat dalam mata wang ringgit selain menggunakan mata wang asing. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan lagi perdagangan dalam rantau dengan menggalakkan penyelesaian perdagangan antarabangsa menggunakan mata wang tempatan.

Melalui kaedah ini, risiko kadar pertukaran dan kos pertukaran mata wang dapat dikurangkan.

5. Bagi memenuhi keperluan pengembara, pertukaran mata wang ringgit boleh dilakukan dengan mana-mana bank berlesen di Malaysia dan pengurup wang yang dilesenkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang di Malaysia.

Soalan No : 25

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

**LISA
N**

DARIPADA

**Y.B. DATO¹ ISMAIL BIN
KASIM (ARAU)**

TARIKH

10.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATO' ISMAIL BIN KASIM [ARAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah perancangan dan strategi pihak Kementerian bagi memartabatkan bidang teknik dan vokasional di negara ini agar dapat selari dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju menjelang 2020 nanti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah merancang untuk melaksanakan transformasi Pendidikan Vokasional .iaitu satu usaha merekayasa (*reengineering*) sistem pendidikan vokasional sedia ada sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baharu yang dapat menyumbang kepada agenda transformasi Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi. Sistem pendidikan vokasional baharu, digerakkan oleh sumber manusia yang responsif kepada pelbagai inisiatif Kerajaan dan berkolaborasi dengan industri bagi menginovasi pengajaran dan pembelajaran yang berupaya menghasilkan tenaga kerja mahir dan usahawan. Tenaga kerja mahir dan usahawan yang dihasilkan

mempunyai daya saing, memiliki kelayakan dan kemahiran yang diiktiraf oleh industri, berwatak profesional dan diterima oleh pasaran kerja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah melaksanakan perekayasaan sistem pendidikan vokasional mengikut **pelan tindakan strategik dalam tempoh 2011—2020** yang dibahagikan kepada tiga fasa: fasa lonjakan (2011—2013), fasa peningkatan (2014—2016) dan fasa pemerkasaan (2017—2020). Untuk mencapai hasrat ini, KPM telah menyediakan **Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional** yang mengandungi 5 strategi, 5 inisiatif dan 11 tindakan. Pelan strategik ini akan mengarusperdanakan pendidikan vokasional di peringkat sekolah bermula pada tahun 2013 untuk sasaran enrolmen sebanyak 20 peratus pada tahun 2015 supaya setanding dengan negara serantau dan negara maju yang lain.

Dalam merealisasikan hasrat ini, kurikulum pendidikan vokasional telah dirombak dan diperkuuhkan daripada *knowledge-based* kepada **competency-based** supaya mencapai standard yang memenuhi keperluan pekerjaan (*job specific*) dan kehendak pasaran semasa.

KPM juga menggunakan *National Occupational Skills Standard (NOSS)* sebagai asas pembangunan kurikulum di samping kurikulum yang diamalkan oleh industri, agensi latihan atau badan profesional yang telah mendapat pengiktirafan. Lembaga Peperiksaan Malaysia akan mengadakan perundingan dengan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan lain-lain badan pengiktirafan seperti CIDB, Suruhanjaya Tenaga, City and Guild London, serta lain-lain badan pensijilan antarabangsa bagi pengiktirafan program vokasional di KPM.

KPM ketika ini telah mewujudkan hubungan kerjasama dengan agensi-agensi latihan, industri atau badan profesional seperti Shell, Tan Chong Education Service, Majlis Ekuin Malaysia, LY Industri Sdn. Bhd, Giat MARA, 'Malaysian

Timber Industri Board (MITB) dan sebagainya berdasarkan bidang kemahiran masing-masing. Penekanan kepada 70% kemahiran ini akan membolehkan mereka diterima di pelbagai bidang pekerjaan. KPM menggalakkan lebih ramai pihak industri terutamanya bersama-sama KPM membangunkan modal insan berkemahiran dalam bidang pendidikan vokasional.

Dalam transformasi pendidikan vokasional ini, KPM telah mengambil langkah memperkenalkan program **Pendidikan Asas Vokasional** (PAV) pada peringkat menengah rendah (Tingkatan 1-3) di sekolah menengah harian. Murid yang mengikuti program ini akan dianugerahkan dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 1 dan Tahap 2 di akhir tingkatan 3. Usaha ini akan dapat melahirkan tenaga kerja mahir negara pada usia yang lebih muda. Sebagai projek rintis, sebanyak 15 buah SMK telah dikenal pasti untuk melaksanakan program ini pada tahun 2012 dan akan diperluaskan kepada 450 SMK pada tahun 2020. Tawaran kepada murid-murid yang telah memohon sedang dilakukan. Sehingga kini, secara keseluruhan permohonan kemasukan adalah melebihi 100% di kebanyakan negeri.

Di peringkat menengah atas pula, sebanyak 78 buah Sekolah Menengah Vokasional (SMV) yang sedia ada akan dinaik taraf sebagai **Kolej Vokasional** (KV) dengan menawarkan program pengajian selama 4 tahun untuk melayakkan mereka dianugerahkan Diploma Kolej Vokasional. Program Kolej Vokasional akan mengukuhkan kemahiran komunikasi Bahasa Inggeris, keusahawanan melalui *school enterprise* dan kemahiran insaniah (*soft skills*). Kemasukan ke Kolej Vokasional, adalah berdasarkan keputusan PMR seperti mana sebelum ini untuk memasuki SMV. Kursus-kursus yang ditawarkan adalah merupakan bidang yang diperlukan oleh 6 koridor ekonomi negara dan juga memenuhi *National Key Economic Area* (NKEA). Sebanyak 53 program pengajian telah dikenalpasti yang meliputi 12 bidang keutamaan. Kolej Vokasional adalah merupakan laluan kepada pelajar-pelajar PAV. Sebagai projek rintis, 15 SMV

akan dinaik taraf sebagai Kolej Vokasional pada tahun 2012. Pengambilan pertama pelajar ke Kolej Vokasional adalah pada minggu pertama Januari 2012.

Di samping Kolej Vokasional KPM, pihak swasta dialu-alukan untuk menawarkan program Kolej Vokasional Swasta melalui **Private Finance Initiatives** (PFI) untuk kursus yang berimpak tinggi. Dalam skim ini pihak kerajaan akan membayar kepada pihak swasta berdasarkan bilangan murid di Kolej berkenaan.

Rjm 94

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA Y.B TN. HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA
(BACHOK)

TARIKH 10 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa (Bachok) minta **PERDANA MENTERI** mengapakah jawatan-jawatan penting di dalam Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri masih belum diisi seperti Hakim Mahkamah Rayuan JKSM, Ketua Hakim Negeri Pahang dan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Selangor.

**JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI
JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Perjawatan pegawai-pegawai di Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri-negeri, termasuk juga para Hakim Syarie, merupakan pegawai-pegawai kerajaan sebagaimana penjawat awam yang lain. Proses pengisian perjawatan

NO.SOALAN: 26

I

tersebut tertakluk kepada peraturan dan prosedur di bawah kawalan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Berkaitan perjawatan Hakim Rayuan JKSM sebanyak enam (6) jawatan, tidak termasuk Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM, pihak JKSM telah membuat pengisian dan ia telah berjalan sejak wujudnya perjawatan tersebut di JKSM. Namun begitu, ketika ini terdapat dua (2) jawatan Hakim Rayuan JKSM yang masih belum dapat diisi kerana beberapa faktor, iaitu :

- i. Satu (1) jawatan Hakim Rayuan JKSM masih disifatkan tidak berlaku kekosongan kerana proses pertukaran **pegawai sedia ada *** ke negeri Perak sebagai Ketua Hakim Syarie Negeri Perak pada April 2011 dibuat secara peminjaman dan bukannya pertukaran tetap. Setelah status jawatan beliau menjadi tetap di negeri Perak, barulah satu(1) jawatan Hakim Rayuan JKSM tersebut dikira kosong dan proses pengisian baru boleh dijalankan secara hakiki.
- ii. Satu (1) lagi jawatan Hakim Rayuan JKSM pula baru sahaja disifatkan sebagai berlaku kekosongan ekoran proses **penamatkan pegawai yang menjawat jawatan tersebut sebelum ini baru sahaja selesai**. Oleh itu, proses pengisian jawatan akan dibuat secepat mungkin.

Mengenai kekosongan jawatan Ketua Hakim Syarie di Jabatan Kehakiman Syariah Pahang, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang tidak menyertai skim perkhidmatan Pegawai Syariah Perkhidmatan Gunasama Persekutuan. Oleh itu, semua urusan

pengisian dan kenaikan pangkat pegawai-pegawai di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang adalah tertakluk di bawah bidangkuasa dan urusan negeri berkenaan khususnya pihak berkuasa agama negeri.

Bagi jawatan Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Selangor, pihak JKSM telah membuat pengisian pada November 2011. Walaubagaimanapun, ketika ini pegawai berkenaan telah mengalami kemalangan jalanraya pada bulan yang sama dan sedang menjalani tempoh cuti sakit. Bagi melancarkan pengurusan kes dan pentadbiran jabatan, pihak Jabatan Kehakiman Syariah Selangor telah melantik seorang pegawai untuk menjalankan tugas Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan sehingga pegawai yang sebenar kembali bertugas.

Sekian, terima kasih.

WO- SC.4LAM '• 2-
T NO AtHVI : 8-

IfB/N fl B BE-»
iMCJKurr

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]

TARIKH : 10 APRIL 2012

RUJUKAN : 4543

SOALAN :

Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI DALAM NEGERI JAWARAN:**
Menyalakan tindakan selanjutnya selepas Program Penyelesaian Menyeluruh Pendatang Asing Tanpa Izin (Program 6P) dilanjutkan sehingga 10 April ini yang dilaporkan pada 16 Feb (Bernama) di mana Polis tidak akan mengambil sebarang tindakan terhadap pendatang asing di sekitar ibu kota berikutan tarikh Program Penyelesaian Menyeluruh Pendatang Asing Tanpa Izin (Program 6P) dilanjutkan sehingga 10 April ini. Bagaimanapun Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur berkata tindakan tegas akan tetap dikenakan kepada pendatang asing yang melakukan kesalahan jenayah mengikut peruntukan undang-undang yang ada dalam "Ops Cegah Jenayah".
Iuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ledang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Penyelesaian Menyeiuruh Pendatang Asing Tanpa izin (PATI) atau Program 6P terdiri dari Proses Pendaftaran, Pemutihan, Pengampunan, Pemantauan, Penguatkuasaan dan Pengusiran. Program ini bertujuan untuk mendapatkan data dan rekod mengenai keberadaan warga asing serta jumlah sebenar PATI di negara kita. Di bawah program ini, PATI yang telah berdaftar dalam tempoh masa 1 hingga 31 Ogos 2011 tidak akan diambil tindakan perundangan sekiranya mereka ditangkap atas kesalahan imigresen. Walau bagaimanapun, pengecualian ini tidak termasuk kesalahan-kesalahan yang dilakukan di bawah peruntukan undang-undang lain seperti kesalahan jenayah.

Setelah tempoh lanjutan Proses Pemutihan yang diumumkan sehingga 10 April 2012 tamat, fasa seterusnya akan melibatkan pelaksanaan tindakan penguatkuasaan bersepada secara besar-besaran bagi menangkap PATI yang tidak berdaftar dan masih berada di negara ini secara tidak sah serta majikan yang dikenal pasti masih melakukan kesalahan imigresen. PATI yang ditahan ini akan melalui proses Pengusiran iaitu dihantar pulang ke negara asal mereka. Walau bagaimanapun, bagi PATI yang melakukan kesalahan jenayah, mereka akan ditangkap dan jika disabit kesalahannya, tindakan undang-undang akan diambil ke atas mereka. Justeru Kementerian menyeru agar majikan yang masih belum mengemukakan permohonan bagi Pemutihan PATI masing-masing supaya segera berbuat demikian, manakala bagi PATI yang tidak mendaftar sewaktu Proses Pendaftaran perlu dihantar pulang ke negara asal.

NO SOALAN :

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,
MALAYSIA**

DARIPADA

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF (RANTAU

PERTANYAAN

PANJANG)

TARIKH

LISAN

10.04.2012

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang kadar kenaikan pembayaran insurans kenderaan yang semakin membebankan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, penyelarasan premium insurans motor adalah perlu memandangkan kadar premium di bawah Tarif Motor tidak pernah dikaji semula selama lebih 30 tahun untuk mencerminkan kos perniagaan terkini. Pada tahun 2010, terdapat 37,564 kes kecurian kenderaan yang dilaporkan melibatkan kira-kira RM600juta. Pada tahun yang sama juga, bagi setiap RM1.00 premium yang dikutip, RM2.79 telah dibayar untuk kematian dan kecederaan pihak ketiga. Walaubagaimanapun, Kerajaan prihatin akan impak penyelarasan premium insurans motor kepada rakyat, terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah. Penyelarasan premium insurans motor yang berkuatkuasa pada 16 Januari 2012 dijangka tidak akan membebangkan rakyat memandangkan penyelarasan tersebut dilaksanakan secara beransur-ansur setiap tahun selama empat tahun pada

jumlah yang kecil. Penyelarasan ini telah mengambil kira profil risiko bagi setiap kategori kenderaan termasuk pengalaman tuntutan masing-masing.

2. Sebagai contoh, bagi perlindungan pihak ketiga, penunggang motosikal 110 cc akan dikenakan premium tambahan antara RM1.00 dan RM3.50 setahun (maksimum 30 sen sebulan) bagi tempoh 4 tahun. Bagi kereta persendirian 1,400 cc pula, kenaikan premium adalah antara RM6.00 dan RM34.00 setahun (maksimum RM2.80 sebulan) dalam tempoh masa yang sama. Untuk kenderaan komersil seperti teksi dan bas, impak kenaikan premium adalah sangat minima iaitu dianggarkan kurang daripada 10 sen bagi setiap penumpang.

3. Penyelarasan premium insurans motor ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Rangka Kerja Perlindungan Motor Baru. Kajian semula kadar premium di bawah Tarif Motor adalah perlu kerana tidak pernah dibuat selama lebih 30 tahun untuk mencerminkan profil risiko dan kekerapan tuntutan insurans motor yang lebih tinggi pada masa kini. Oleh itu, penyelarasan ini adalah kritikal dan perlu bagi memastikan perlindungan insurans motor yang diwajibkan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dapat disediakan kepada pihak awam oleh penanggung insurans secara mampan dalam jangka masa panjang.

4. Pada masa yang sama, penyelarasan premium ini akan dilengkapi dengan pelaksanaan beberapa inisiatif bagi meningkatkan kecekapan dan mengurangkan ketirisan dalam proses tuntutan insurans motor yang memberi impak terhadap kemampuan perlindungan insurans motor. Penambahbaikan kepada proses tuntutan ini juga akan mengurangkan tempoh masa yang diambil bagi mangsa kemalangan jalan raya untuk mendapat pampasan bagi tuntutan insurans motor. Sehingga kini, sebanyak 5 daripada 11 penambahbaikan telahpun dilaksanakan.

SOALAN NO: 29

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA
TARIKH
SOALAN

LISAN

Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam)

10 April 2012

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan projek Kementerian yang telah dan akan dilaksanakan menggunakan kaedah PFI di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 dan jumlah kos yang terlibat. Apakah kriteria yang digunakan untuk melantik syarikat yang layak melaksanakan projek-projek berkenaan.

JAWAPAN OLEH : Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengenal pasti beberapa projek untuk dilaksanakan menggunakan pendekatan kaedah ***private finance initiative*** (dengan izin) atau PFI di bawah Rancangan Malaysia Ke- 10. Kebanyakan projek-projek ini adalah merupakan cadangan projek-projek pembangunan kompleks pejabat, fasiliti dan kuarters Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian yang boleh dilaksanakan menerusi inisiatif pembiayaan swasta sama ada sepenuhnya tanpa melibatkan peruntukan Kerajaan secara langsung atau sekiranya terdapat peruntukan di pihak Kerajaan, ia adalah secara yang sangat minimum.

Antara cadangan projek PFI ini adalah cadangan pembinaan Kompleks Pendaratan Perikanan LKIM di Tanjung Bako, Sarawak; pembinaan Kompleks Pendaratan Perikanan LKIM di Sandakan, Sabah; pembinaan Ibupejabat LKIM di Pulau Meranti, Puchong; cadangan pembangunan Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang dan Kuarters secara

Land Swap di Batu Maung dan Bukit Gelugor, Pulau Pinang; cadangan pembangunan Pejabat Perikanan Negeri Selangor di Pulau Indah, Selangor; cadangan pembangunan Pejabat Korporat FAMA di Kelana Jaya, Selangor; dan cadangan pembangunan semula tanah milik Jabatan Pertanian di Serdang, Selangor bagi tujuan pembinaan kompleks pejabat, fasiliti dan kuarters kakitangan.

Namun demikian, hampir kesemua cadangan projek tersebut masih di peringkat kertas cadangan manakala bagi pembinaan Kompleks Pendaratan Perikanan LKIM di Tanjung Bako, Sarawak, ianya di peringkat pelantikan kontraktor. Bagi pembinaan Kompleks Pendaratan Perikanan Sandakan, Sabah masih dalam proses penilaian teknikal dan komersial yang diuruskan oleh Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS), JPM.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan pendekatan secara PFI tersebut, kriteria yang digunakan adalah bergantung pada **nature** (dengan izin) sesuatu projek atau program berkenaan. Secara umumnya, bagi projek-projek pembangunan fizikal, penentuan kriteria ditentukan dengan meneliti jenis kegiatan atau projek, latar belakang serta kelayakan syarikat pelaksana dan peneraju merangkumi kedudukan kewangan dan keupayaan serta rekod prestasi, pemilikan ekuiti dalam syarikat **special purpose vehicle** (SPV), elemen penyertaan syarikat asing sekiranya diperlukan; serta tawaran terbaik yang boleh diberikan oleh syarikat. Pemilihan seterusnya akan melibatkan saringan sebelum dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Kerjasama Awam- Swasta berdasarkan prinsip “**value for money**”.

PEMBERITAHU PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN DARIPADA	: LISAN DR.RAMASAMY A/L PALANISAMY
KAWASAN	BATU KAWAN
TARIKH NO. SOALAN	10.04.2012 (SELASA)

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan mengapakah Kerajaan Persekutuan masih berhasrat untuk meneruskan projek Loji Bahan- Bahan Maju Lynas (LAMP) di Kuantan, Pahang walaupun ramai pihak membantah projek ini yang dijangka adalah membahayakan kesihatan penduduk serta alam sekitar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Projek *Lynas Advanced Materials Plant* (LAMP) tidak membahayakan kesihatan penduduk dan alam sekitar berdasarkan kepada fakta saintifik dan teknikal yang telah disahkan oleh pakar-pakar peringkat nasional dan antarabangsa:

- (a) Purata pendedahan dos kepada pekerja projek LAMP dianggarkan hanya 2 mili Sv/tahun. manakala orang awam hanya 0.002 mili Sv/tahun berbanding dengan had 20 milli Sv/tahun yang termaktub di bawah Peraturan 8(1), Peraturan-peraturan Perlesenan Tenaga Atom (Perlindungan Sinaran Keselamatan Asas), 2010; dan

(b) Panel Pakar Bebas Antarabangsa yang dilantik oleh *International Atomic Energy Agency* (IAEA) telah mendapati Lynas telah mematuhi standard keselamatan radiasi yang digariskan oleh Lembaga Pelesenan Tenaga ATOM (LPTA) dan Jabatan Alam Sekitar. Laporan akhir Panel IAEA turut menyatakan bahawa undang-undang dan peraturan Malaysia berhubung dengan keselamatan radiasi adalah komprehensif dan mematuhi standard IAEA.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan keselamatan dan kesihatan orang awam sentiasa terpelihara, kelulusan projek ini adalah tertakiu k kepada pengawasan dan kawalan dua Akta, iaitu:

- (a) Akta Pelesenan Tenaga Atom, 1984 di bawah LPTA; dan
- (b) Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1970 di bawah Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Ini bermakna, lesen yang dikeluarkan kepada syarikat Lynas, pada bila-bila masa sahaja, boleh ditarik balik dan operasi diberhentikan dengan serta merta jika syarikat melanggar mana-mana svarat yang telah ditetapkan di bawah kedua-dua Akta dan Peraturan-Peraturan yang berkaitan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya ingin menekankan di sini bahawa keselamatan dan kesihatan rakyat dan alam sekitar sentiasa menjadi keutamaan Kerajaan dan Kerajaan sama sekali tidak akan bertolak ansur dalam hal ini. Memandangkan projek ini adalah selamat, Kerajaan tidak

bercadang menarik balik kelulusan yang diberikan.

2

Jika Kerajaan membuat keputusan memberhentikan projek ini atas bantahan pihak awam yang dibuat berdasarkan emosi dan politik semata-mata, Kerajaan perlu berhadapan dengan implikasi-implikasi berikut:

- (a) Tindakan undang-undang oleh syarikat Lynas, dan jika berjaya,

Kerajaan terpaksa membayar pampasan kepada syarikat;

- (b) Kehilangan pelaburan yang berjumlah RM2.3 bilion dan faedah ekonomi lain yang boleh didapati daripada projek ini;
- (c) memberikan isyarat negatif kepada pelabur-pelabur sedia ada dan berpotensi;
- (d) menjejas kedudukan Malaysia dalam *ranking* antarabangsa, seperti ketelusan, destinasi pelaburan menarik dan sebagainya;
- (e) menjejas kredibiliti Malaysia dalam memberi jaminan kepada pelabur asing; dan
- (f) menjelaskan usaha-usaha Kerajaan dalam menarik lebih banyak pelaburan ke negara ini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BAGI JAWAB** **LISAN**

DARIPADA **DATIN LINDA TSEN THAU LIN [BATU SAPI]**

TARIKH **10 April 2012**

SOALAN **31**

Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan bilakah kerja-kerja peningkatan Lapangan Terbang Sandakan yang telah dicadangkan untuk menambah baik dan mempertingkatkan kepada para pelancong dan pengguna lain dapat dilaksanakan.

Jawapan:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu Sapi, kerja-kerja peningkatan Lapangan Terbang Sandakan adalah di bawah inisiatif pihak *Sabah Economic Development and Investment Authority* (SEDA). Pihak SEDIA akan mengemukakan permohonan peruntukan di bawah *Rolling Plan* ke-3, Rancangan Malaysia Ke-10 kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) untuk melaksanakan projek ini pada tahun 2014.

Untuk makluman tambahan Ahli Yang Berhormat, bilangan pergerakan penumpang yang direkodkan di Lapangan Terbang Sandakan pada tahun 2011 adalah sebanyak 788,515 penumpang berbanding dengan kapasiti sebenar 1.5 juta penumpang setahun. Ini menunjukkan bahawa lapangan terbang ini masih mampu menampung jumlah trafik penumpang yang akan datang khususnya peningkatan kemasukan pelancong ke Sandakan.

NO SOALAN : 32

PEMBERITAHU PERTANYAAN

PERTANYAAN

DARIPADA DEWAN RAKYAT

LISAN

YB TUAN TARIKH

**HAJI CHE UDA
BIN CHE NIK
(SIK)**

10.04.2012

(SELASA)

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan tidakkah Kerajaan memikirkan untuk memindahkan peruntukan yang diberi kepada PLKN kepada Kementerian Pelajaran (sekolah) untuk memastikan sekolah dapat melaksanakan program ko-kurikulum dengan berkesan untuk melahirkan insan yang berketerampilan, ada jati diri dan melahirkan modal insan yang

**bermutu dan memenuhi inspirasi keperluan warganegara
berilmu dan berpotensi.**
JAWAPAN:

**Tuan Yang di-Pertua,
JAWAPAN:**

Setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk memindahkan peruntukan yang diberi kepada JLKN kepada Kementerian Pelajaran bagi pelaksanaan ko-kurikulum. Ini adalah kerana latihan yang dilaksanakan melalui PLKN adalah berbeza daripada pembelajaran di sekolah. Latihan yang dilaksanakan melalui PLKN lebih bersifat *approach*, "bukan mengajar", pembelajaran melalui pengalaman atau *experiential learning* dan telah terbukti berjaya menanamkan sifat patriotisma di kalangan pelatih.

Perkara ini juga disokong berdasarkan kajian-kajian yang telah dilaksanakan antaranya Kajian Keberkesanan PLKN bersama kumpulan penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di mana hasil kajian menunjukkan maklumbalas yang positif melebihi lapan puluh peratus (80%) terhadap semua komponen yang dinilai iaitu semangat patriotisma, perpaduan kaum, semangat kesukarelaan, perwatakan positif dan pembentukan remaja yang cergas, cerdas dan berkeyakinan diri.

Walaupun program ini dilaksanakan oleh JLKN tetapi ianya sentiasa mendapat kerjasama yang baik daripada Jabatan / agensi Kerajaan mahupun swasta yang lain.

DARIPADA **PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**
YB TUAN JOHN A/L FERNANDEZ (SEREMBAN)

PERTANYAAN 10 LISAN APRIL 2012

SOALAN

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semasa menggulung Perbahasan Bajet 2012 (Peringkat Dasar) YB. Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz pada 24 Oktober 2011 menyatakan kertas siasatan berkenaan dengan dakwaan Menteri Besar Negeri Sembilan menghantar wang sebanyak RM10 juta keluar negara melalui 'money changer' di Seremban telah dihantar ke pihak Timbalan Pendakwaraya, apakah keputusan pihak Timbalan Pendakwaraya setakat ini.

JAWAPAN: **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
 MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kertas Siasatan berkenaan dengan dakwaan Menteri Besar Negeri Sembilan menghantar wang sebanyak RM10 juta keluar negara melalui 'money changer' di Seremban masih dalam kajian pihak Peguam Negara.

Sekian, terima kasih.

Uo- SoA LAKI'

BH -N©AfHMi-24-

"NtD" AtJP "T

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN

DARIPADA	TUAN	JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]
TARIKH	10	LISAN
		APRIL 2012
RUJUKAN		4544

SOALAN :

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bukankah keputusan Kerajaan untuk mengusirkan wartawan Arab Saudi, Hamza Kashgari satu perlakuan yang melanggari undang-undang dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa seperti yang termaktub dalam Perkara 3, 10 dan 11 Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat.

JAWAPAN :
Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jelutong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, kerajaan tidak melanggar sebarang undang-undang dan instrumen hak asasi manusia antarabangsa sebaliknya Kerajaan menggunakan peruntukan undang-undang sedia ada untuk menghantar beliau pulang.

NO.SOALAN: 35

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN JAWAB LISAN

DARIPADA **TAN SRI DATUK SERI SYED HAMID
BIN SYED JAAFAR ALBAR [KOTA
TINGGI]**

TARIKH **10 APRIL 2012**

RUJUKAN **4545**

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah masalah sebenar yang menyebabkan penangguhan yang berterusan kepada pendaftaran pekerja asing.

Tuan Yang di-Pertua,

JAWAPAN:

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Tinggi yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pihak Kerajaan sedang melaksanakan Proses Pemutihan yang mana ianya merupakan fasa penting dalam Program Penyelesaian Menyeluruh Mengenai Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Sehingga 19 Mac 2012, seramai 311,809 PATI telah diputihkan dan jumlah ini melibatkan sebanyak 37,752 majikan. Proses Pemutihan ini telah mula dilaksanakan pada 10 Oktober 2011 dan sepatutnya berakhir pada 10 Januari 2012.

Walau bagaimanapun, Kerajaan telah membuat keputusan untuk melanjutkan tempoh proses Pemutihan sehingga 10 April 2012 secara pentadbiran. Antara sebab-sebab penangguhan tarikh akhir pemutihan adalah seperti berikut:

- i) Masih terdapat rayuan dari pihak majikan dan industri untuk mendapatkan pekerja asing melalui Program Pemutihan; dan
- ii) Memberi ruang dan tempoh masa kepada pihak majikan dan PATI untuk menguruskan dokumen-dokumen yang diperlukan dalam urusan pemutihan seperti pasport, dokumen perjalanan, dokumen perniagaan serta maklumat-maklumat lain yang berkaitan.

Soalan No: 36

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)**

TARIKH

10.04.2012

SOALAN:

Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan

- (a) sama ada pihak Kementerian akan memperkenalkan pengajaran bahasa mandarin di sekolah-sekolah kebangsaan; dan
- (b) sama ada pihak Kementerian bercadang untuk menyerap semula pesara guru-guru bahasa mandarin bagi maksud ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bahasa Cina merupakan mata pelajaran tambahan di sekolah kebangsaan sejak selepas kemerdekaan dan pernah digelar Bahasa Cina (POL) dan Bahasa Cina Komunikasi. Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang bermula bagi kohort Tahun 1, 2011 menjadikan bahasa Cina sebagai mata pelajaran elektif yang dikenali sebagai Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK). Setakat ini, terdapat 461 buah SK yang sedang menawarkan BCSK.

- (b) Urusan pelantikan guru bahasa Cina yang telah bersara wajib secara kontrak dibuat mengikut keperluan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, guru-guru yang layak boleh memohon untuk dilantik berkhidmat secara kontrak tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan dari segi kesihatan, pencapaian prestasi dan kekosongan jawatan semasa.

Rjm 95

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB TUAN WONG HO LENG (SIBU)

TARIKH 10 APRIL 2012

SOALAN

Tuan Wong Ho Leng [Sibu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:-

- (a) bilangan kes rasuah yang berasal dari Sarawak yang dilaporkan kepada SPRM, dan berapa kes yang melibatkan ahli politik; dan
- (b) langkah-langkah yang diambil untuk memerangi gejala rasuah yang semakin serius di Malaysia.

JAWAPAN: DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat Sibu, bagi tempoh 1 Januari 2010 hingga Februari 2012, jumlah kes rasuah yang disiasat di

Sarawak adalah sebanyak 176 kes dan melibatkan 141 tangkapan telah dibuat. Daripada jumlah siasatan tersebut, 6 kes adalah melibatkan ahli politik di Sarawak.

NO.SOALAN: 37

- (b) Membanteras Rasuah merupakan tanggungjawab bersama seluruh rakyat Malaysia. Tanggungjawab ini tidak boleh diletakkan kepada

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau kerajaan semata-mata dan setiap daripada kita mempunyai peranan masing-masing untuk dilaksanakan.

SPRM melalui NKRA Membanteras Rasuah telah mengenalpasti 3 bidang utama yang dipercayai amat terdedah kepada amalan rasuah. tiga bidang tersebut adalah Penguatkuasaan undang- undang, Perolehan Kerajaan dan Rasuah Besar. Pelan tindakan SPM adalah berteraskan membanteras rasuah dalam tiga (3) bidang utama yang dikenalpasti.

Bagi menjadikan SPM lebih berkesan, Kerajaan telah bersetuju supaya pertambahan sebanyak 150 perjawatan diwujudkan setiap tahun sehingga jumlah keanggotaan SPM mencecah kepada seramai 5,000 orang. Kerajaan juga mengambilkira pandangan bahawa bagi memperlihatkan kebebasan SPM, maka satu Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah wajar diwujudkan. Perkara ini sedang dikaji oleh pihak Kerajaan kerana ia memerlukan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan. Kajian juga termasuk status jawatan Ketua Pesuruhjaya SPM yang mungkin dicadangkan sebagai sebuah jawatan berdasarkan Perlembagaan Malaysia sebagaimana pelantikan jawatan Peguam Negara, Ketua Audit Negara dan Hakim-Hakim, bagi memastikan kebebasan dan ketelusan.

Walau bagaimanapun, kejayaan dalam menbanteras rasuah juga bergantung kepada kesedaran, sokongan dan penyertaan seluruh rakyat malaysia termasuk agensi awam, swasta, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan media massa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA TAN SRI DATUKSERI PANG LIMA JOSEPH
PAIRIN KITINGAN TARIKH
10 APRIL 2012 (SELASA)
SOALAN NO.38

Tan Sri Datu seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta MENTERI PENGAJIAN TINGGI menyatakan berapakah kolej komuniti yang sudah ditubuhkan dan beroperasi di negeri Sabah dan adakah cadangan untuk menubuhkan kolej komuniti bagi setiap kawasan Parlimen yang masih belum memilikinya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat dua buah kolej komuniti induk iaitu Kolej Komuniti Tawau dan Kolej Komuniti Lahat Datu serta sebuah kolej komuniti cawangan iaitu Kolej Komuniti Cawangan Semporna yang telah beroperasi di negeri Sabah. Dalam tempoh *Rolling Plan ke-2 Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10)*, sebuah lagi kampus tetap sedang dalam proses pembinaan di selatan Sabah iaitu Kolej Komuniti Beaufort.

Berkenaan penubuhan kolej komuniti mengikut kawasan Parlimen, dimaklumkan bahawa pada 8 September 2004, Kerajaan telah memutuskan supaya kolej komuniti dibina mengikut keperluan dan tidak semestinya di setiap kawasan Parlimen. Bagi perancangan dalam tempoh

rolling plan ke-3 RMKe-10, Kementerian sedang meneliti untuk mencadangkan penambahan beberapa buah kolej komuniti termasuk di negeri Sabah.

Soalan No : 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI
	(BAGAN SERAI)
TARIKH	10.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN MOHSIN FADZLI BIN HAJI SAMSURI [BAGAN SERAI] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah untuk memartabatkan Sekolah Kebangsaan sebagai aliran serta pilihan utama di kalangan ibu bapa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sasaran jangka panjang Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) adalah untuk menjadikan Sekolah Kebangsaan (SK) sebuah pusat kecemerlangan pendidikan daripada semua segi seperti prasarana, disiplin dan keselamatan murid, pencapaian kokurikulum dan sukan, penguasaan teknologi komunikasi dan maklumat (TMK), kualiti guru dan kepimpinan sekolah. Agenda memperkasa SK akan terus dilaksanakan bagi memastikan ia sentiasa menjadi model kepada sekolah aliran yang lain.

Sebagai langkah untuk memartabatkan Sekolah Kebangsaan (SK) sebagai aliran pilihan utama dalam kalangan ibu bapa, mata pelajaran bahasa Cina dan bahasa Tamil telah diperkenalkan di SK. Laporan Akhir Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2011 menunjukkan bahawa terdapat peningkatan murid yang mengikuti mata pelajaran Bahasa Cina di SK iaitu

seramai 2,744 murid pada tahun 2007 kepada 21,517 murid pada tahun 2010. Bagi mata pelajaran Bahasa Tamil pula seramai 836 mengikuti mata pelajaran tersebut pada tahun 2007 dan meingkat kepada 5,273 orang murid pada tahun 2010. Dalam konteks ini, kepelbagaian kemahiran berbahasa dapat diperkasakan di SK di samping membantu meningkatkan keupayaan berintegrasi di antara kaum, yang bertepatan dengan usaha kerajaan untuk merealisasikan konsep 1 Malaysia.

Sebagai usaha memantapkan elemen rohani, program j-QAF turut diperkenalkan di SK dan dapat menarik lebih ramai ibu bapa Islam menghantar anak ke SK yang selama ini dikatakan kurang penekanan terhadap pendidikan Agama Islam. Dalam peluasan program j-QAF, seramai 1,515,757 murid telah mengikuti program ini mulai tahun 2005 hingga tahun 2010.

Dalam langkah memastikan pendidikan awal kanak-kanak tidak terabai di SK, KPM telah membuka sebanyak 2,938 kelas prasekolah dari Jun 2007 hingga Jun 2010. Di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan, pembukaan kelas prasekolah tidak hanya mula beroperasi pada awal tahun di sekolah rendah tetapi dibuka berdasarkan keperluan dan permohonan. Sehingga kini, KPM telah melaksanakan sebanyak 1,153 buah prasekolah KPM.

SK yang daif akan dinaik taraf dari segi infrastruktur apabila kerajaan memperuntukkan sebanyak RM500 juta melalui Tabung Khas Pembinaan, Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah bagi tahun 2012. Manakala SK yang tiada bekalan elektrik 24 jam dan air bersih juga akan dibekalkan dengan kemudahan-kemudahan tersebut dalam Rancangan Malaysia Ke-10.

Program memperkasakan SK juga meliputi program latihan dan pembangunan pemimpin di sekolah tersebut seperti **School Improvement Programme** (SIP), Program SiPartner dan Program Pemantapan Sekolah Kebangsaan. Program Pembangunan Organisasi untuk Kecemerlangan Sekolah (PrOD), dan Kursus Kepimpinan dan Pengurusan Pendidikan.

Vjo • AIAn) • 4-0 NO. AUM-T 4t

Ain A iip°

w .Tivr r

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir
[Ketereh]**

TARIKH : 10 APRIL 2012

RUJUKAN : 4546

SOALAN:

Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan penganjur protes yang diadakan sejak tahun 2008 di seluruh negara. Berapakah tangkapan yang telah dibuat bagi setiap aksi protes tersebut serta berapakah yang telah dihukum dan bentuk hukuman yang dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ketereh yang

JAWAPAN:

mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Kerajaan tidak pernah menghalang masyarakat untuk menyuarakan rintihan dan rasa tidak puas hati walaupun pelbagai saluran boleh digunakan untuk menyampaikannya kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, terdapat segelintir pihak yang mempunyai kepentingan tertentu, memulakan protes atau menghasut sesuatu kumpulan itu agar memprotes, bukannya kerana memperjuangkan suatu isu ataupun membela masyarakat tetapi lebih kepada mewujudkan persepsi negatif kerajaan di mata masyarakat. Golongan ini juga sanggup mewujudkan provokasi terhadap pihak keselamatan kita agar dilihat kejam dan tidak professional.

Tuan Yang Dipertua

Sejak tahun 2008 hingga 2012 sebanyak seribu lapan ratus empat puluh tujuh (1,847) tindakan protes telah dilakukan oleh badan bukan kerajaan (NGO), kesatuan dan belia atas pelbagai isu. Tindakan-tindakan protes ini melibatkan bantahan, demonstrasi, penyerahan memorandum dan juga laporan polis dibuat.

Daripada jumlah ini, seramai seribu lima ratus enam (1506) individu yang terlibat telah ditangkap pihak berkuasa kerana menggugat ketenteraman awam. Walau bagaimanapun, kesemua mereka telah dibebaskan setelah diambil keterangan dan pihak berkuasa berpuas hati yang mereka ini tidak

akan menimbulkan ancaman kepada ketenteraman awam.

kjo . 9.0A<- Akj : 4 | -

NO-AUM : 42

-HQ-AUP-h

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT
LISAN**

PERTANYAAN

TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

DARIPADA

10 APRIL 2012

TARIKH

4547

**SOALAN
RUJUKAN**

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kenapa warganegara Saudi Hamza Kashgari dihantar balik ke Saudi, di bawah undang-undang mana dan sama ada perintah Mahkamah yang dikeluarkan berkenaan dipatuhi dan sekiranya tidak, kenapa dan sama ada siasatan telah pun diadakan dan beliau diberikan peluang didengar sebelum dihantar balik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Puchong yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, Hamza Kashghari Mohamed Najeeb telah dihantar pulang ke negara asalnya berdasarkan satu Perintah Pengusiran yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Imigresen Malaysia di bawah Seksyen 56(2) Akta Imigresen 1959/63.

Tuan Yang Dipertua,

Sepanjang proses pengusiran tersebut, pihak Kerajaan tidak menerima sebarang Perintah Mahkamah untuk menghalang proses pengusiran tersebut. “Perintah Interim” yang diperolehi daripada mahkamah hanya diterima oleh pihak PDRM dan Jabatan Imigresen Malaysia daripada peguambela beliau setelah Hamza Kashghari Mohamed Najeeb dideportasi. Sehubungan dengan itu, “Perintah Interim” bagi tujuan menghalang perlaksanaan deportasi tersebut tidak dapat dilaksanakan memandangkan pada masa tersebut beliau tidak lagi berada dalam bidang kuasa pihak berkuasa Malaysia.

MO-So Art A*J

• **NO-AUM :**

44

MO-AUP—!

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN	LISAN
DARIPADA	DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [SETIU]
TARIKH	10 APRIL 2012
RUJUKAN	4548

SOALAN :

Dato' Mohd Jidin bin Shafee [Setiu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang diambil terhadap iambakan pendatang asing terutama di kawasan kediaman rakyat tempatan sehingga mencetuskan ketakutan dan apakah Kerajaan mempunyai statistik yang cukup bagi menangani isu ini jika berlaku hal-hal yang bersifat darurat.

Tuan Yang Di-Pertua,

JAWAPAN:

Terima kasih saya ucapkan kepada Ahii Yang Berhormat Setiu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Program Penyelesaian Menyeluruh Menangani Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)** atau **Program 6P** adalah sebahagian daripada usaha penting dalam agenda Kerajaan untuk memantapkan pengurusan warga asing di negara ini, sekali gus membantu menangani jenayah rentas sempadan khususnya jenayah pemerdagangan orang dan penyeludupan manusia.

Kerajaan kini sedang melaksanakan beberapa langkah kawalan bagi lambakan PATI berada dalam negara seperti berikut:

- i) melaksanakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu bersama agensi-agensi yang berkaitan dari masa ke semasa secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963; dan
- ii) membuat naziran ke premis-premis yang terdapat warganegara asing seperti premis majikan yang menggaji pekerja asing, institusi yang mengambil pelajar antarabangsa, kawasan pasar dan pasar borong serta kawasan kediaman rakyat tempatan.

Pengambilan data biometrik dalam proses pendaftaran dapat membantu memantapkan pemantauan dan penguatkuasaan terhadap warga asing sekali gus meningkatkan kawalan keselamatan negara.

Sehingga 8 Mac 2012, seramai 6,147 orang majikan dan PATI telah ditahan di bawah Operasi Penguatkuasaan Program 6P yang bermula pada 20 Oktober 2011.

Kerajaan sentiasa meiaksanakan langkah-langkah penambahbaikan untuk menangani isu kemasukan dan keberadaan warga asing secara tidak sah. Langkah-langkah penambahbaikan ini mampu memberi faedah maksima kepada negara.

NO. SOALAN : 43

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB
LISAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

**Y. B DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA
DARIPADA SELANGOR]**

10 APRIL 2012

TARIKH

4549

RUJUKAN

SOALAN :

**Y.B Dr. Haji Dzulkefly Bin Ahmad [Kuala Selangor]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejak
Kempen MyDaftar dilancarkan berapakah permohonan tertunggak
berjaya diselesaikan dalam tempoh dua tahun ini dan jelaskan dari segi
komposisi kaum. Apakah sebab-sebab yang menghalang mereka yang
masih tidak diberikan kad pengenalan atau kerakyatan dan apakah ada
penyelesaian untuk mengatasi permasalahan golongan ini.**

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Selangor yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, semua permohonan yang diterima sepanjang kempen MyDaftar telah berjaya diselesaikan tanpa ada permohonan yang tertunggak. Permohonan yang telah diterima sepanjang kempen MyDaftar pada tahun 2010 dan 2011 berjumlah sebanyak 12,637. Pecahan permohonan yang diterima mengikut komposisi kaum adalah seperti berikut:

BIL	KAUM	JUMLAH
1.	INDIA	10,192
2.	MELAYU	1,043
3.	ORANG ASLI	774
4.	LAIN-LAIN	427
5.	CINA	201
JUMLAH KESELURUHAN		12,637

Pemberian taraf kerakyatan serta dokumen pengenalan diri adalah tertakluk kepada undang-undang semasa. Dalam hal ini, Kementerian mendapati terdapat segelintir masyarakat yang masih tidak memiliki

apa-apa dokumen kerana faktor-faktor berikut:

- i) Tidak mengemukakan dokumen yang lengkap semasa permohonan;
- ii) Tidak memenuhi syarat dan prosedur kelayakan sesuatu permohonan; dan
- iii) Kurang pengetahuan mengenai kepentingan dokumen pengenalan diri.

Bagi mengatasi masalah ketiadaan dokumen pengenalan ini, Kementerian telah mengambil beberapa langkah mewujudkan program ‘outreach’ melalui Unit Khas Bergerak di Sabah dan Sarawak serta Program MyDaftar di Semenanjung Malaysia. Selain daripada itu, jawatankuasa khas di peringkat Kementerian dan Jabatan Pendaftaran Negara juga diwujudkan untuk mempertimbangkan permohonan-permohonan dokumen pengenalan diri. Bagi meningkatkan tahap kesedaran masyarakat tentang perkara ini, Kementerian selain turut terlibat secara langsung dalam program-program lapangan dan membuka kaunter-kaunter penerangan dan pameran juga bekerjasama dengan NGO-NGO dan agensi-agensi untuk membantu mengatasi masalah dokumen pengenalan diri.

Soalan No : 44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	L1SA N
DARI PAD A	Y.B. TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)
TARIKH	10.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa masalah elaun guru sandaran Sekolah Rendah Cina masih berpanjangan dan sama ada rancangan menukar status sekolah jenis kebangsaan kepada sekolah kebangsaan sebelum 2015 akan dilaksanakan. Nyatakan sekolah yang terlibat mengikut pecahan negeri. Nyatakan juga bantuan yang disalurkan kepada sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil dari tahun 2000 hingga kini mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa peka terhadap kebijakan guru-guru termasuk guru-guru sandaran di semua aliran sekolah di negara ini. Pembayaran elaun bagi guru sandaran di semua sekolah KPM adalah sama dan tertakluk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1/2007. Guru Sandaran menerima elaun bulanan berdasarkan tangga gaji yang diluluskan dari semasa ke semasa, Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan elaun-elaun untuk mengatasi kos sara hidup yang tinggi di sesebuah negeri/daerah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, masalah pembayaran elaun guru sandaran di

SJKC tidak berbangkit sekiranya pelantikan guru-guru tersebut dibuat mengikut peraturan dan mematuhi surat pekeliling yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM menyediakan belanja mengurus secara sama rata kepada semua jenis sekolah yang meliputi peruntukan mengurus seperti emolumen, elaun guru, pemberian geran per kapita (PCG), peralatan pengajaran dan pembelajaran, bayaran utiliti, kawalan keselamatan dan pembersihan kawasan. Walau bagaimanapun, disebabkan oleh milikan tanah dan bangunan bagi sekolah bantuan Kerajaan bukan dipunyai oleh Kerajaan, maka sekolah sedemikian tidak dikategorikan sebagai sekolah Kerajaan.

Sehubungan itu, Kerajaan tidak boleh sewenang-wenangnya menukar status sesebuah sekolah yang bukan kepunyaan Kerajaan melainkan pemilik tanah tersebut secara sukarela menyerahkan pemilikannya kepada Kerajaan. Di samping itu, beberapa perkara lain juga perlu diambil kira sebelum pengambilalihan sesebuah sekolah boleh dipertimbangkan, antaranya ialah sekolah tersebut perlu mendapat persetujuan daripada semua ibu bapa, lembaga pengelola sekolah dan PIBG sekolah berkenaan selain proses-proses pengambilalihan tanah yang melibatkan perundangan negara.

Jumlah Peruntukan Belanja Mengurus mengikut kategori sekolah iaitu SK, SJK(C), SJK(T) yang telah diperuntukkan dari tahun 2006 - 2011 ialah RM 37.3 billion (SK), 7.9 billion (SJKC) dan RM 3.1 billion (SJKT).

NO
SOAL
AN :

4645

**PEMBERITAHUAN
PERTANYAAN DEWAN
RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA **Y.B. DATO¹ SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM**

PERTANYAAN **LISAN (BAYAN BARU)**

TARIKH **10.04.2012**

Y.B. DATO¹ SERI ZAHRAIN MOHAMED HASHIM [BAYAN BARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengurangkan hutang peribadi yang ditanggung oleh isi rumah rakyat Malaysia yang dikatakan yang paling buruk di Asia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hutang isi rumah telah meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada 12.5% dengan jumlah RM653.1 bilion pada akhir tahun 2011 berbanding peningkatan 13.7% kepada RM580.6 bilion pada tahun 2010. Sehingga akhir tahun 2011, pinjaman untuk tujuan peribadi merangkumi 15% daripada jumlah hutang sektor isi rumah iaitu komponen yang ketiga terbesar selepas pinjaman untuk pembelian harta kediaman, 45% dan pinjaman untuk sewa beli kenderaan, 19%. Purata pertumbuhan tahunan pinjaman peribadi dalam tempoh tiga tahun yang lepas adalah sebanyak 20.2% dan sebahagian besar perkembangan ini didorong pembiayaan peribadi yang diberikan oleh institusi kewangan bukan bank seperti koperasi dan institusi kewangan pembangunan.
2. Kenaikan jumlah hutang isi rumah ini telah disokong oleh kenaikan dalam

pendapatan dan keadaan guna tenaga yang menggalakkan. Selain itu, 64% daripada hutang sektor isi rumah terkumpul adalah untuk pembelian aset harta kediaman dan kenderaan. Penampang kewangan sektor isi rumah juga kekal kukuh dengan paras aset kewangan isi rumah melebihi dua kali ganda daripada hutang mereka. Keupayaan membayar balik hutang sektor isi rumah juga utuh seperti yang dicerminkan oleh kedudukan pinjaman terjejas yang semakin baik iaitu 1.8% pada tahun 2011 berbanding 2.3% pada tahun 2010. Tuan Yang di-Pertua,

3. Walau bagaimanapun, bagi memastikan tahap keberhutangan sektor isi rumah kekal terkawal dan tidak menjadi satu sumber ketidakstabilan kewangan pada masa hadapan, sejak tahun 2010, beberapa langkah awalan dan kehematan makro telah dilaksanakan. Antaranya ialah: i. Menyediakan khidmat nasihat dan bantuan dalam menguruskan kedudukan kewangan kepada peminjam serta menstruktur semula hutang mereka dengan pihak bank melalui Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK); ii. Memperkenalkan Program Pengurusan Wang Ringgit Anda (POWER!) yang bertujuan meningkatkan tahap pemahaman pengurusan kewangan dan kemahiran, terutamanya bagi peminjam baru dan golongan muda; iii. Mengetatkan syarat pemilikan kad kredit serta menghendaki pengeluar kad kredit supaya mengamalkan pendekatan perniagaan yang lebih wajar dan telus. Langkah ini adalah untuk memastikan pengguna benar-benar memahami implikasi penggunaan kad kredit serta mengelakkan pengeluar kad kredit menawarkan kemudahan kredit yang tinggi dengan menaikkan had kredit pengguna tanpa persetujuan mereka terlebih dahulu; iv. Mengeluarkan garis panduan amalan pembiayaan bertanggungjawab secara rasmi, yang menghendaki institusi kewangan membuat penilaian kemampuan seseorang bakal peminjam berdasarkan pendapatan bersih setelah potongan berkanun serta mengambil kira semua tanggungan hutang semasa, walaupun peraturan ini merupakan amalan sedia ada di kebanyakan institusi kewangan; v. Memastikan penyedia pinjaman bukan institusi perbankan yang lain seperti koperasi, institusi kewangan pembangunan dan institusi kredit perumahan turut mengamalkan piawaian syarat pinjaman yang sama. Amalan pembiayaan yang bertanggungjawab juga ditekankan kepada institusi seperti ini supaya peminjam tidak terbeban dengan hutang yang berlebihan. Tuan Yang di-Pertua,

4. Kerajaan juga sentiasa prihatin terhadap rintihan rakyat mengenai cabaran kewangan, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Bagi membantu mengurangkan beban kewangan rakyat, pelbagai langkah telah diambil termasuklah Bantuan Rakyat IMalaysia atau BRIM kepada isi rumah berpendapatan bulanan RM3,000 dan ke bawah dan penambahbaikan skim gaji dan ganjaran untuk penjawat awam serta penyelarasan pencen bagi pesara awam. Kerajaan juga telah menambah baik sistem pengangkutan awam supaya dapat mengurangkan keperluan membuat pinjaman untuk memiliki kenderaan sendiri. Selain itu, Skim Rumah Pertamaku serta skim Perumahan Rakyat IMalaysia (PR1MA) telah diperkenalkan untuk membantu rakyat dalam pemilikan rumah.
5. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkembangan pinjaman peribadi serta pinjaman lain kepada sektor isi rumah akan sentiasa dipantau dan diteliti. Kerajaan akan mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan tahap keberhutangan isi rumah berada pada tahap yang mapan dan keupayaan membayar balik hutang kekal utuh.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB**

[KUBANG KERIAN]

TARIKH **10 APRIL 2012 (SELASA)**

Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelaburan dalam dan luar negara ke Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) dan sejauh manakah penglibatan Bumiputera dalam memanfaatkan pelaburan-pelaburan tersebut.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga Disember 2011, jumlah pelaburan terkumpul di Iskandar Malaysia adalah sebanyak RM84.78

NO. SOALAN: 46

bilion. Daripada jumlah ini 60% merupakan pelaburan domestik dan 40% adalah pelaburan asing.

Kemasukan pelaburan ke Iskandar Malaysia turut memberi manfaat kepada usahawan tempatan dimana usahawan tempatan dan Bumiputera berjaya menjalankan perniagaan dalam pertubuhan antarabangsa seperti Universiti Newcastle setelah menghadiri program "Iskandar Malaysia Networking Session" anjuran bersama IRDA dan Kedutaan Amerika Syarikat. Usahawan bumiputera tempatan juga mampu menubuhkan outlet perniagaan mereka di Johor Premium Outlet dengan jenama tempatan seperti Pink Jambu (batik). Selain itu, usahawan tempatan mampu meningkatkan jualan mereka daripada 30% kepada lebih daripada 100% selepas menghadiri program "Keusahawanan Internet Iskandar Malaysia" anjuran bersama IRDA dan Multimedia Development Corporation (MDeC).

Disamping itu juga, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) turut mempunyai pelan pembangunan modal insan yang bertujuan untuk meningkatkan penglibatan bumiputera secara khasnya dan rakyat Malaysia secara umumnya dalam pembangunan di Iskandar Malaysia.

NO. SOALAN^;

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA **YB TUAN MOHD. FIRDAUS BIN JAAFAR (JERAI)**

TARIKH **10 APRIL 2012 [SELASA]**

SOALAN :

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai) minta PERDANA MENTERI menyatakan senarai dari sumber manakah Yayasan Taqwa mengumpul dananya dan nyatakan jumlah pendapatannya bagi tahun 2010 dan 2011 serta jumlah perbelanjaannya mengikut kategori sumbangan dan negeri-negeri yang menerimanya.

JAWAPAN: (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan menerima peruntukan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan(MAIWP) dan juga sumber-sumber amnya seperti hibah, sumbangan dari organisasi, individu dan lain-lain sebagai sumber dananya.

Jumlah pendapatan dan jumlah perbelanjaan pada tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di bawah

	2010(RM)	2011(RM)
PENDAPATAN:-	4,630,277.00	5,425,757.00
Baki peruntukan dibawa dari tahun sebelumnya	7,700,000.00	4,002,000.00
Peruntukan dari MAIWP Lain-lain Pendapatan	76,321.00	223,329.00
JUMLAH PENDAPATAN	12,406,598.00	9,651,086.00
PERBELANJAAN Bantuan	1,685,600.00	2,399,634.0
Pendidikan Bantuan Kebajikan	365,968.00	235,941.00
Program Dakwah Perbelanjaan	2,926,984.00	3,057,177.00
Program Perbelanjaan Pentadbiran	862,034.00	1,612,646.00
	1,140,255.00	1,371,715.00
JUMLAH PERBELANJAAN	6,980,841.00	8,677,112.00
LEBIHAN PERUNTUKAN DIBAWA KE TAHUN HADAPAN	5,425,757.00	973,974.00

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan telah memperuntukan sebanyak RM4,978,552.00 pada tahun 2010 dan RM5,692,751.60 pada tahun 2011 dan senarai negeri-negeri yang menerimanya seperti jadual di bawah

No.	Tempat/Negeri	2010 (RM)	2011 (RM)
1	Terengganu	238,649.20	301,314.48
2	Perak	244,564.20	273,177.60
3	Johor	277,037.00	347,892.96
4	Selangor	854,297.74	778,527.99
5	Negeri Sembilan	153,566.80	176,337.28
6	Pahang	108,736.00	249,257.64
7	Kelantan	313,284.40	326,323.06
8	Perlis	111,605.80	141,656.00
9	Pulau Pinang	173,694.20	250,156.00
10.	Kedah	560,787.00	536,276.56
11	Melaka	110,570.00	301,721.20
12	Sarawak	61,850.00	119,263.80
13	Sabah	136,807.00	87,112.00
14	Kebangsaan	1,400,390.00	1,495,687.03
15	Luar Negara	232,712.66	308,048.00
	JUMLAH	4,978,552.00	5,692,751.60

Sukacita dijelaskan bahawa mekanisme permohonan peruntukan Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan (YTWP) daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) adalah seperti berikut:

1. YTWP mengemukakan permohonan peruntukan kepada pihak pengurusan MAIWP.
2. Semakan awal dibuat oleh pengurusan MAIWP melalui Bahagian Baitulmal dan Bahagian Kewangan.

3. YTWP dijemput membentangkan permohonan peruntukan kepada pihak pengurusan MAIWP.
4. Berdasarkan hasil selepas pembentangan, YTWP akan membuat pindaan terhadap kertas permohonan peruntukan tersebut.
5. Kertas yang dipinda dikemukakan semula kepada pengurusan MAIWP.
6. Kertas tersebut sekali lagi disemak melalui Mesyuarat Pra Jawatankuasa Baitulmal (JKB).
7. Setelah kertas tersebut dipastikan mengandungi maklumat yang tepat dan mencukupi, ianya akan dibawa ke Mesyuarat JKB untuk kelulusan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

**DATO' SRI IR. MOHD ZAINBIN MOHAMED
[SEPANG]**

**TARIKH JAWAPAN :
DI DEWAN RAKYAT**

10 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

Minta MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR menyatakan
sejauh manakah alat penjimatan tenaga elektrik atau ESD memberi
manfaat menjimatkan bil elektrik pengguna dan nyatakan adakah
penjualan alat ESD ini mendapat kebenaran daripada Suruhanjaya
Tenaga.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Gajet yang dikenali sebagai ‘alat penjimatan tenaga’ atau ‘*Energy Saving Device (ESD)*’, dengan izin, sebenarnya tidak boleh menjimatkan tenaga atau bil elektrik dengan ketara. Jika terdapat penjimatan sekali pun, nilai penjimatannya adalah antara 1% - 3% sahaja, tidak seperti yang diiklankan oleh kebanyakan penjual antara 20% hingga 30% atau mungkin lebih dari itu. Pada asasnya komponen utama di dalam ESD ialah kapasitor yang bersifat boleh meningkatkan faktor kuasa (*power factor*). Faktor kuasa yang rendah boleh menyebabkan arus elektrik menjadi lebih tinggi dan arus yang lebih tinggi boleh menyebabkan kehilangan kuasa dalam sistem pendawaian antara 1% hingga 3%. Pemasangan ESD boleh meningkatkan faktor kuasa, mengurangkan arus elektrik dan sekali gus mengurangkan kehilangan kuasa dalam sistem pendawaian tetapi tidak mengurangkan penggunaan tenaga elektrik dengan ketara.

Bagi pengguna-pengguna industri dan komersil yang menggunakan tenaga elektrik pada kadar yang tinggi, faktor kuasa rendah boleh menyebabkan kehilangan kuasa yang tinggi di dalam sistem pendawaian

pepasangan premis tersebut dan juga sistem pengagihan dan penghantaran pihak utiliti. Kehilangan kuasa di dalam sistem pengagihan dan penghantaran adalah kos yang terpaksa ditanggung oleh utiliti. Oleh yang demikian, pihak utiliti akan mengenakan penalti jika faktor kuasa pengguna-pengguna industri dan komersil lebih rendah dari paras paras

0. 85 (atau 0.9 bagi industri yang mengambil bekalan pada voltan 132KV ke atas). Bagi mengatasi masalah ini pengguna-pengguna industri dan komersil dikehendaki memasang *capasitor bank* dengan izin, yang sesuai. Manakala bagi pengguna-pengguna domestik, tiada penalti faktor kuasa rendah dikenakan. Oleh yang demikian pengguna domestik tidak perlu memasang ‘alat penjimatan tenaga’ atau ESD.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sejak gajet ini mula berada di pasaran iaitu sekitar awal tahun 2000, Suruhanjaya Tenaga telah mengeluarkan surat yang menyatakan tiada halangan kepada pengusaha atau penjual ESD ini apabila produk mereka telah diuji oleh SIRIM akan tahap keselamatan fizikalnya. Walau bagaimanapun prestasi atau *performance* alat tersebut sebenarnya tidak diuji kerana tiada standard rujukan sebagai perbandingan. Namun begitu,

pengusaha atau penjual ESD ini telah menggunakan surat tiada halangan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga sebagai satu promosi dan menganggap Suruhanjaya Tenaga telah mengiktiraf produk mereka.

Sehubungan itu, bagi mengelakkan kekeliruan pengguna, Suruhanjaya Tenaga pada 6hb.September 2011 telah menarik balik semua surat tiada halangan yang telah dikeluarkan kepada pemohon sebelum itu. Sekiranya pemohon hendak membuat permohonan semula, gajet tersebut tidak boleh dinamakan ‘alat penjimatan tenaga’ atau ESD yang mengelirukan pengguna, tetapi boleh dipertimbangkan jika dinamakan atas fungsi sebenarnya seperti ‘alat membaiki faktor kuasa’ atau ‘*power factor corrector*’.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 10 APRIL 2012 (SELASA)

**DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
[KUALA LANGAT]**

SOALAN

**Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KUALA LANGAT] minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPSOANAN (49)**
menyatakan bilakah Balai Bomba Banting, akan dinaik taraf,
memandangkan kepadatan rumah yang terlalu banyak dan berisiko.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Banting telah diselenggara melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua pada tahun 2009 dengan kos sebanyak RM179,231.64.

Pada masa ini, BBP Banting beroperasi dengan kekuatan 22 orang anggota pelbagai pangkat serta dilengkapi 1 unit *Fire Rescue Tender* (FRT) dan 2 unit Aluminium Bot dan dibantu oleh balai-balai bomba berhampiran seperti Balai Bomba dan Penyelamat KLIA dan Balai Bomba dan Penyelamat Andalas.

Kementerian
Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Mac 2012

SULIT

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH
 [LENGGONG - BN]**

TARIKH 10 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN NO. 50

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- (a) apakah Kementerian berpuas hati dengan program pembangunan belia yang dilakukan sekarang; dan
- (b) langkah-langkah Kementerian mengatasi masalah rasuah bola sepak dalam negara ini.

JAWAPAN (a)

Perancangan dan pelaksanaan program-program pembangunan belia bukan sahaja dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, malahan turut dilaksanakan oleh pelbagai pihak. Kementerian sentiasa berperanan sebagai agensi yang menyelaras (*coordinating ministry*) dalam merangka dan melaksanakan program-program pembangunan belia di seluruh negara. Dalam memastikan program-program pembangunan belia dirangka dan dilaksanakan dengan lebih holistik dan komprehensif, Kementerian sentiasa berusaha menambah baik program-program sedia ada serta mewujudkan inisiatif baru bagi mencapai tahap yang optimum, selari dengan kehendak dan cita rasa belia masa kini.

JAWAPAN (b)

1. Dalam usaha membanteras gejala rasuah, Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) telah pun membentuk Jawatankuasa Pemeriksaan, Pemantauan dan Ketelusan yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Seri Aseh bin Che Mat dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Jawatankuasa ini giat menjalankan aktiviti membanteras kegiatan rasuah atau mengatur perlawanan di seluruh negara dengan menggunakan pendekatan 3E iaitu *Education*, *Engagement* dan *Enforcement*.

2. Di antara pelan tindakan jawatankuasa ini adalah seperti:-
 - i. Melantik seorang bekas pegawai kanan PDRM dan seorang bekas pegawai kanan SPPRM untuk bertugas sepenuh masa di Jabatan Integriti FAM.

SULIT

- ii. Akan menubuhkan Jawatankuasa Pemantauan yang akan diketuai oleh Pegawai Penguat kuasa PDRM (D7) di setiap 14 buah negeri seluruh negara.
- 3. Sebagai tambahan, melalui Jawatankuasa Program Pembangunan Bola Sepak Negara satu kempen pendidikan dan penerangan memerangi gejala rasuah akan dimulakan. Ia turut melibatkan pemain-pemain di bawah umur 12 tahun melalui Program *MyKids Soccer* dengan penerapan nilai-nilai murni, pembentukan sahsiah diri dan keagamaan semaksimum yang mungkin. Langkah sedemikian juga akan dilaksanakan dalam Liga KPM, Pusat Latihan Daerah dan Sekolah-sekolah Sukan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia kerana kita percaya bahawa pencegahan kepada menularnya gejala rasuah ini boleh dimulakan dengan pendidikan, dan ia pastinya akan berjaya ditangani dengan pendidikan.
- 4. Justeru, satu Kempen Perangi Rasuah Bola Sepak Kali Pertama dengan slogan KAMI BENCI RASUAH akan diadakan pada 1 April 2012 bertempat di Stadium Sultan Ibrahim Muar Johor sempena Fiesta Bola Sepak 7 Sebelah 1 Malaysia yang berlangsung 31 Mac hingga 1 April 2012 yang akan melibatkan pelajar-pelajar sekolah yang berumur 8 hingga 15 tahun sekitar Daerah Muar.

PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN
DARIPADA

LISAN
Y.B. DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB (BALING)

TARIKH

10 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

YB DATO' TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB minta

PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa fahaman perkauman sempit bertentangan sekali dengan konsep "wassatiyah" yang diwar-warkan Kerajaan sekarang.

JAWAPAN : (oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon)

Seperti yang sedia maklum, di mana-mana negara majmuk termasuk Malaysia, atas sebab perbezaan etnik, agama, budaya atau bahasa, rakyat cenderung bergaul berkelompok sendiri, dan kurang bergaul dengan kelompok-kelompok lain secara rapat. Ini menjadi punca untuk perbezaan pandangan dan persepsi mahupun polarisasi sosial antara kaum, komuniti atau kelompok. Di dalam setiap kaum atau komuniti, terdapat pula satu 'spectrum' perbezaan pandangan dan pendirian kerana perbezaan status ekonomi dan sosial atau pengalaman dan pengaruh luar, ada di antaranya yang sempit atau konservatif dan ada pula yang terbuka atau 'liberal'.

Perbezaan pandangan dan fenomena polarisasi ini mungkin merosot apabila adanya pemimpin-pemimpin politik atau komuniti mempolitikkan isu-isu dari sudut yang sempit atau ekstrim untuk mendapat sokongan, menjadi jaguh atau mengutamakan kepentingan sendiri. Kadang-kala, perbuatan seumpama ini mencetuskan perselisihan serta sentimen perkauman atau agama yang menggugat ketenteraman masyarakat pada amnya, sekiranya tidak diuruskan dan ditangani

dengan sesuainya. Kejadian seumpama ini berlaku dalam banyak negara, termasuk yang dianggap sebagai yang demokratik dan maju, seperti negara-negara barat.

Dalam konteks Malaysia, pucuk pimpinan negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran-cabaran untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sentimen dan sengketa yang timbul. Penggubalan polisi dan strategi dalam semua bidang sentiasa berpandukan kepada Pelembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang mengambil kira dan merangkumi hak-hak asasi semua rakyat secara betapa seimbang yang mungkin. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa dalam pelaksanaan, kadang-kala menimbulkan masalah penyelewengan atau kecacatan yang ada di antaranya ditafsirkan sebagai tidak wajar atau melampau.

Memandangkan bahawa proses membina negara dan memupuk perpaduan sememangnya merupakan satu perjuangan yang berterusan yang memerlukan pembaharuan dan transformasi dari masa ke semasa, maka YAB Perdana Menteri telah giat melaksanakan gagasan 1 Malaysia sejak 2009 untuk terus menyemaikan nilai-nilai murni serta sikap penerimaan, saling menghormati dan keterangkuman (inclusiveness) di kalangan rakyat.

YAB Perdana Menteri telah mencadangkan inisiatif Gerakan Global ke Arah Kesederhanaan (Global Movement of the Moderates) buat kali pertamanya dalam ucapan beliau di Persidangan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada Oktober 2010. Intipati utama inisiatif tersebut yang berdasarkan konsep Wasatiyyah atau 'moderation' dalam Islam adalah untuk merangkumkan kerjasama di antara

golongan-golongan sederhana dari pelbagai agama serta menggalakkan dialog antara para penganut semua agama bagi melahirkan masyarakat yang bersatu-padu

dan saling menghormati di antara satu sama lain, kerana konsep kesederhanaan ini terdapat juga dalam falsafah agama-agama lain.

Konsep *wassatiyyah* yang bermaksud sederhana, pertengahan dan berimbang adalah sesuai sebagai pemangkin kepada Gagasan 1 Malaysia untuk diamalkan di masyarakat majmuk Malaysia, kerana selaras dengan wawasan kepimpinan negara yang mahu mewujudkan keseimbangan dalam membina perpaduan yang lebih harmoni di kalangan masyarakat pelbagai bangsa, agama dan adat resam budaya.

Untuk memantapkan lagi strategi dan pelaksanaan '*wassatiyyah*' yang sederhana dan seimbang ini, Kerajaan telah menubuhkan Institut Wasatiyyah yang akan diletakkan dibawah Jabatan Perdana Menteri, manakala Kursi Wasatiyyah diwujudkan di Universiti Malaya yang akan menjadi pemangkin kepada gerakan kesederhanaan di Malaysia .

Walaupun masih ada mereka yang mempunyai pandangan atau pendekatan yang ekstrem, Kerajaan yakin bahawa dengan langkah-langkah dan pendekatan kesederhanaan yang berterusan yang dilaksanakan, rakyat secara umumnya akan menjadi semakin matang dan akan dapat menilai dengan sendiri bahawa '*wassatiyyah*' inilah yang amat sesuai untuk masyarakat kita dan bukannya pendekatan ekstrem. Usaha memupuk persefahaman dan perpaduan dalam kepelbaagaian (*unity in diversity*) sememangnya memerlukan sikap keterangkuman, penyertaan dan sumbangan semua pihak, terutamanya para pemimpin politik, pemimpin masyarakat dan penjawat awam.

SOAL/kN 1410.: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN PEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN

LDSAN

DARIPADA

Y.B. DATUK SIRINGAN BIN GUB&T

KAWASAN

RANAU

TARIKH

10 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN:

Y.B* DATUK SIRINGAN BIN GUBAT (RANAU) mfnnta MENTERI KERJA RAYA menyatakan berapa projek jalan aya yang akan dilaksanakan dalam Rolling Plan Kedua dan juga dalam Rolling Plan Ketiga Kawasan Parlimen Ranau.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini terdapat 6 projek RMKeLO di bawah Kementerian Kerja Raya yang telah diliuskan di daerah Ranau, Sabah, iaitu seperti berikut:

- (1) Pembaikan Cerun Jalan Ranau-Tambunan, Fasa dengan kos projek sebanyak RM179*5 juta;
- (2) Membina Jalan Marak Parak-Melinsau-Poring-Rai'au, Paket 1(3) (RM160 juta);
- (3) Membina Jalan Marak Parak-Melinsau-Poring-Rai: au, Paket 3A(2)«(4) (RM117 juta);
- (4) Membina Jalan Marak Parak-Mellnsau-Poring-Rariau, Sabah Paket 2(2) (RM247 juta);
- (5) Menaik Taraf Jalan Ranau-Marakau, Fasa 2 (RM2D.4 juta); dan
- (6) Pembangunan Cerun Jalan Tamparuli-Ranau, (RM35.!! juta).

Manakala dalam *Rolling Plan* Ketiga pula, keutamaan kerajaan ialah untuk melaksanakan projek-projek kecil di sepanjang Jalan Persekutuan di Negeri Sabah, termasuk di daerah Ranau. Amnya projek yang terlibat itu ialah membina lorong memotong, mengganti jambatan dan pembetung jalan, dan menaik taraf lokasi sering berlaku k^{ec} malangan (*blackspot*) di Jalan Persekutuan. Pelaksanaan projek berkeraan akan dilaksanakan menerusi peruntukan khas di bawah program msnaik taraf jalan

Pan-Borneo di Sabah dan Sarawak.

Sekian. Terima kasih.

MO- foA • ’
-NO AUM : ©2

noauf^

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

**DARIPADA DATO' SERI MOHAMMAD NIZAR BIN JAMALUDDIN [
 BUKIT GANTANG]**

TARIKH 10 APRIL 2012

RUJUKAN 4550

SOALAN :

Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah bekas tentera yang menyertai Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) sehingga kini mengikut negeri dan kawasan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Bukit Gantang yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini bahawa Sistem iRELA yang merekodkan pendaftaran anggota RELA sedang dalam proses penambahbaikan oleh pihak MAMPU dan Kementerian Dalam Negeri, status terkini di peringkat kajian, sistem yang sedia ada tidak dapat mengesan dan memaparkan jumlah sebenar penyertaan bekas tentera. Walau bagaimanapun pegawai RELA dari kalangan bekas pegawai tentera yang menyandang jawatan Pengarah RELA Negeri (PRN) seramai 11 dari 14 orang, Komandan Pusat Latihan seramai 3 dari 4 orang, Pegawai RELA Daerah (PRD) seramai 127 dari 156 orang, dan Penolong Pegawai RELA Daerah (PPRD) seramai 65 dari 156 orang.

Pangkalan data keanggotaan RELA direkod di dalam sistem iRELA yang mana pangkalan data ini hanya memaparkan statistik mengikut Negeri dan Daerah sahaja tidak termasuk kawasan Parlimen.

Soalan No : 54

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

DARIPADA	PE RT AN YA AN	LISAN
TARIKH		Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG (SIBUTI)
		10.04.2012

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG [SIBUTI] minta Menteri Pelajaran menyatakan selain daripada pembinaan sekolah melalui Sistem Binaan Berindustri (IBS) adakah pihak Kementerian dapat mempertimbangkan pembinaan kquarters guru di kawasan strategik di Parlimen Sibuti dan kawasan luar bandar di Sarawak memandangkan keadaan naif guru-guru yang terpaksa berkongsi kquarters yang sempit di kebanyakan sekolah-sekolah luar bandar dan sukar mendapatkan rumah sewa di kampung-kampung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada masa sekarang sedang melaksanakan lawatan ke sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman bagi mengenal pasti sekolah dan tapak yang sesuai untuk pembinaan rumah guru serta bilik kelas menggunakan Sistem Binaan Berindustri (IBS). Lantikan perunding dan kontraktor bermasa telah dibuat bagi tujuan melaksanakan projek ini. Namun setakat ini, KPM belum mempunyai cadangan untuk membina kquarters guru di kawasan strategik atau berpusat di Parlimen Sibuti dan kawasan luar bandar yang lain memandangkan kedudukan sekolah-sekolah sedia ada yang berselerak dan berjauhan di antara satu dengan yang lain di negeri Sarawak.

Dalam Rancangan Malaysia KeSepuluh (RMKe-10), KPM telah menggunakan

konsep *Lightweight Building System* (LBS) atau dipanggil sebagai konsep ‘kabin’

SOALAN NO. 55

bagi pembinaan tambahan bilik darjah, rumah guru dan asrama bagi kawasan luar bandar di seluruh negara termasuk di kawasan Sibuti, Sarawak. Bahan dan material yang digunakan dalam konsep ini adalah berkualiti, mudah diperolehi serta sesuai untuk kawasan luar bandar.

Rjm 101

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK SERI PANGLIMA WILFRED
MOJILIP
BUMBURING
[TUARAN]**

TARIKH 10 APRIL 2012

SOALAN:

**DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MOJILIP BUMBURING
minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah pendirian
Kerajaan ke atas laporan dan perakuan Select Committee
dalam laporan pertama mengenai penambahbaikan proses
pilihan raya Negara.**

SOALAN NO. 55

JAWAPAN: YB DATO⁵ SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua.

Seperti mana yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 1 Disember tahun lalu, YB Pengurus Jawatankuasa Pilihan Khas ini, di dalam laporan interimnya, telah membentangkan 10 syor dan telah pun diluluskan di dalam dewan yang mulia ini. Syor-syor tersebut merupakan natijah daripada 4 sesi pendengaran awam yang telah diadakan dan telah pun dikemukakan kepada SPR selaku agensi teraju iaitu agensi yang bertanggungjawab bagi melaksanakan syor-syor tersebut.

SPR telah memaklumkan bahawa sebahagian syor tersebut telah pun diberi perhatian dan tindakan-tindakan wajar telah dan sedang dilakukan untuk merealisasikannya. Bagaimanapun, memandangkan terdapat syor-syor baharu yang dikemukakan dalam beberapa sesi pendengaran awam lagi yang telah diadakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya selepas pembentangan laporan interim pada 1 Disember tahun lalu, SPR menjangkakan terdapat beberapa perkara lain yang akan turut sama diangkat sebagai syor oleh Jawatankuasa di dalam laporan akhirnya yang akan dibentangkan pada sesi Mesyuarat Dewan

SOALAN NO. 55

Rakyat ini nanti.

SOALAN NO. 55

Setelah itu, baharulah SPR dapat merencana kaedah dan pelaksanaan syor-syor tersebut dengan lebih terperinci dan tersusun mengikut kerangka perundangan dan kesesuaian masa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN OLEH
Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK
 [LUBOK ANTU]**

TARIKH 10 APRIL 2012

SOALAN

Tuan William @ Nyallau Anak Badak [Lubok Antu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenapa pihak hospital bersikap tidak berperikemanusiaan terhadap masalah pesakit dari Daerah Lubok Antu yang hendak berjumpa doktor terpaksa menunggu dari jam 9 pagi hingga 6 petang hanya hendak mengadakan pemeriksaan kesihatan dan mengambil ubat darah tinggi atau ubat-ubat lain. Kenapa tidak dapat dipertimbangkan supaya doktor pakar mengadakan lawatan berjadual iaitu 1 atau 2 hari ke Klinik Desa Lubok Antu supaya dapat menyenangkan pesakit-pesakit.

Tuan Yang di-Pertua

Klinik kesihatan Lubok Antu menyediakan perkhidmatan rawatan pesakit luar dan perkhidmatan kesihatan ibu dan anak kepada kira-kira 6,820 penduduk di kawasan operasi. Klinik ini dikendalikan oleh 4 orang penolong pegawai perubatan dan dibantu oleh 2 orang jururawat terlatih serta 4 orang jururawat masyarakat. Secara purata, kedatangan sehari untuk perkhidmatan pesakit luar adalah 84 orang dan untuk perkhidmatan kesihatan ibu dan anak adalah 42 orang. Kedatangan keseluruhan pada tahun 2011 adalah 25,669 pesakit. Lebih kurang 10 kes sehari akan dirujuk sama ada kepada pegawai perubatan di Klinik Kesihatan Sri Aman ataupun ke Hospital Sri Aman.

Bagi mengurangkan kes-kes rujukan, Kementerian Kesihatan Malaysia akan menempatkan seorang (1) Pegawai Perubatan di Klinik Kesihatan Lubok Antu pada 1 Mei 2012 bagi memberikan perkhidmatan rawatan kesihatan kepada penduduk Lubok Antu. Di samping itu, KKM turut menjadualkan lawatan daripada Pakar Kesihatan Keluarga bermula April 2012 dengan kekerapan dua minggu sekali. Dengan cara ini, pesakit tidak perlu dirujuk ke Klinik Kesihatan Sri Aman atau pun ke Hospital Sri Aman lagi kecuali kes-kes kecemasan atau yang terlalu rumit yang memerlukan pemeriksaan dan siasatan lanjut.

KK Lubok Antu telah dinaiktaraf dengan pembaikan fizikal di bawah BP06000 pada tahun 2009. Di samping itu, projek peralatan makmal KK Lubok Antu masih dalam proses sebut harga bagi pembelian kelengkapan makmal.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT JAWAPAN
OLEH Y.B. DATO' SRI LIOW TIONG LAI MENTERI KESIHATAN**

MALAYSIA

NO. SOALAN: 58

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA DATUK HAJAH NORAH BINTI ABD RAHMAN
[TANJONG MANIS]**

TARIKH : 10 APRIL 2012

SOALAN

Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan bilakah Kerajaan dapat menaikkan taraf klinik-klinik dengan kadar segera di Pulau Bruit memandangkan anggaran 50 peratus penduduk-penduduk dewasa mengalami penyakit darah tinggi, kencing manis, mata dan 90 peratus rakyat mengalami masalah gigi.

Tuan Yang di-Pertua

Buat masa ini, Pulau Bruit kini mempunyai 3 buah klinik kesihatan iaitu Klinik Kesihatan Bruit, Klinik Kesihatan Tekajong dan Klinik Kesihatan Betanak yang menyediakan perkhidmatan kepada kira-kira 8,000 orang penduduk Pulau Bruit. Purata kehadiran sehari pesakit ke klinik-klinik ini adalah antara 5 hingga 19 orang pesakit sehari. Secara purata juga, hanya 1 hingga 2 pesakit hipertensi atau diabetes hadir mendapatkan rawatan setiap hari.

Perkhidmatan rawatan oleh Pegawai Perubatan bagi pesakit hipertensi dan diabetes kini disediakan dengan kekerapan melalui *flying doctor service* (FDS) dan menggunakan bot sebulan sekali. Pegawai Perubatan perlu memberikan rawatan kepada pesakit yang baru didiagnosa, pesakit dengan penyakit yang tidak terkawal atau pesakit yang dikesan menghidap komplikasi yang baru. Bagi pesakit yang stabil, mereka perlu dirujuk kepada Pegawai Perubatan sekurang-kurang sekali dalam setahun.

Walaupun dengan beban penyakit hipertensi dan diabetes yang rendah di Pulau Bruit, Kementerian Kesihatan mensasar untuk menempatkan seorang Pegawai Perubatan secara tetap di Klinik Kesihatan Bruit pada penghujung tahun 2012 memandangkan kedudukannya yang terpencil. Selain dari merawat pesakit hipertensi dan diabetes, Pegawai Perubatan ini juga akan memberikan perkhidmatan rawatan bagi lain-lain kes perubatan yang kompleks

yang tidak boleh dirawat oleh Penolong Pegawai Perubatan.

Klinik Kesihatan Bruit, Klinik Kesihatan Tekajong dan Klinik Kesihatan Betanak boleh menerima maksimum kehadiran 50 orang pesakit sehari setiap satu. Oleh yang demikian, kapasiti klinik mampu menampung keperluan semasa. Walau bagaimanapun, pada hari-hari tertentu, jumlah kehadiran di Klinik Kesihatan Bruit mampu mencecah lebih 50 pesakit sehari.

Memandangkan ketiga-tiga klinik tersebut berada dalam keadaan uzur, peruntukan telah diterima bagi kerja-kerja naik taraf Klinik Kesihatan Tekajong sebanyak RM359,990.00 dan Klinik Kesihatan Bruit sebanyak RM248.700.00 di bawah projek Transformasi Luar Bandar (PTLB). Bagaimanapun, tiada peruntukan diberikan bagi membaiki Klinik Kesihatan Betanak yang dianggarkan memerlukan peruntukan sebanyak RM440,000.00. KKM akan berusaha mendapatkan peruntukan tambahan bagi tujuan ini.

Bagi makluman Tuan Yang Dipertua, Pulau Bruit masih memerlukan sebuah klinik kesihatan di Kampung Semop bagi memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk setempat yang akan dikemukakan di dalam *Rolling Plan 3 RMKe-10*.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA

Datuk Bung Moktar Bin Radin
[Kinabatangan]

TARIKH

10 April 2012 (Selasa)

SOALAN

58

Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:-

- (a) tindakan rasionalisasi sistem penerbangan negara (MAS) dalam memberhentikan jadual penerbangan terus dari Australia dan Jepun ke Kota Kinabalu; dan
- (b) kesan tindakan rasionalisasi berkenaan terhadap industri pelancongan di negeri Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

- (a) Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan rasionalisasi Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dalam memberhentikan jadual

penerbangan terus ke Australia dan Jepun ke Kota Kinabalu diambil disebabkan laluan-laluan ke destinasi tersebut-tersebut telah mencatatkan kerugian yang amat tinggi.

- (b) Tindakan rasionalisasi berkenaan dijangka tidak memberi kesan kepada industri pelancongan di negeri Sabah. Ini adalah disebabkan terdapat jaringan perkhidmatan penerbangan yang mencukupi bagi menghubungkan pelancong luar negara ke Sabah. Sehingga kini terdapat 7 syarikat penerbangan asing yang mengadakan penerbangan terus ke Sabah. Di samping itu, MAS dan AirAsia menyediakan sejumlah 237 penerbangan terus dari Semenanjung bagi menghubungkan Sabah. Bagi menyokong perkhidmatan penerbangan berjadual terdapat sejumlah 110 penerbangan *charter* telah disediakan oleh syarikat penerbangan asing untuk ke Kota Kinabalu pada tahun 2011.

NO. SOALAN: 59

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM
[BANDAR TUN RAZAK]**

TARIKH

10 APRIL 2012

Y.B. Tan Sri Dato' Abd. Khalid Bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status koridor pembangunan ekonomi seperti Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Wilayah Ekonomi Koridor Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC), Koridor Tenaga Boleh Baharu Sarawak (SCORE) dan Iskandar Malaysia serta bilangan pelaburan yang telah dikutip.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (KSP RMKe-9) telah menubuhkan Lima Koridor Pembangunan iaitu Iskandar Malaysia (IM), Koridor Utara (NCER), Koridor Pantai Timur (ECER), Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Koridor Tenaga Diperbaharu (SCORE) untuk mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah berkenaan bagi mewujudkan pembangunan seimbang serta meningkatkan taraf sosio- ekonomi rakyat di kawasan berkenaan. Program Pembangunan Koridor diteruskan dalam RMK-10 melalui penyediaan peruntukan pembangunan

bagi setiap Koridor untuk tujuan penyediaan infrastruktur untuk menarik pelaburan swasta ke kawasan koridor berkenaan.

Hasil pelaksanaan program dan projek di kelima-lima Koridor Pembangunan telah berjaya membawa masuk pelaburan swasta yang terdiri dari pelaburan komited asing (FDI) dan domestik (DDI) dalam RMKe-9 berjumlah RM259.964bilion. Manakala dalam 'Rolling Plan' Pertama (RP1) RMK-10, sejumlah RM66.258 bilion pelaburan komited swasta dan asing telah berjaya diperolehi. Di antara pelabur-pelabur dari dalam dan luar negara meliputi pelbagai sektor utama iaitu pembuatan, hartanah, kemudahan awam, perkhidmatan, pelancongan dari negara- negara utama seperti Sepanyol, Jepun, Singapura, Timur Tengah, Australia dan lain-lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)

TARIKH 10 APRIL 2012

SOALAN 60

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan sama ada tanah yang menempatkan Ibu pejabat Keretapi Tanah Melayu Berhad serta stesen keretapi lama di ibu kota akan

dijual untuk tujuan pembangunan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan tidak bercadang untuk menjual tanah yang menempatkan ibu pejabat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) serta stesen keretapi lama di ibu kota kerana tanah ini telah dibekukan daripada sebarang bentuk perkongsian awam swasta, penswastaan, penjualan atau gantian tanah selama 3 tahun berkuatkuasa mulai 8 Februari 2012 hingga 7 Februari 2015 atau sehingga pelaksanaan Projek *River Of Life, Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* berjaya disiapkan mengikut fasa.

Untuk makluman, bangunan ibu pejabat KTMB dan bangunan stesen keretapi ini juga telah diisyiharkan sebagai Tapak Warisan Kebangsaan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645) pada tahun 2007.

MO-AttP'T-

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TENGKU RAZALEIGH HAMZAH [GUAMUSANG]

TARIKH 10 APRIL 2012

4551

RUJUKAN

SOALAN :

Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan benarkah kad pengenalan sedang dikeluarkan dengan banyak kepada pendatang asing di Sabah dan apakah langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Gua Musang yang bertanyakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia, Kementerian Dalam Negeri (KDN) hanya mengeluarkan Kad Pengenalan (MyKad) kepada pemohon yang mempunyai kelayakan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan Malaysia, Akta Pendaftaran Negara 1959 (Akta 78) dan juga Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990. Dalam hal ini, MyKad tidak dikeluarkan kepada Pendatang Asing Tanpa Izin kerana mereka tidak mempunyai kelayakan di bawah undang-undang semasa.

Kementerian amat mengalu-alukan sebarang maklum balas dari orang awam sekiranya terdapat pemegang Kad Pengenalan oleh mereka yang tidak berkelayakan, bagi membolehkan siasatan dan tindakan lanjut diambil oleh Kementerian ini.

NO.SOALAN : 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

LISAN

PERTANYAAN :

YB DATUK TIONG THAI KING

DARIPADA

10 APRIL 2012

SOALAN:
SARIMAH

YB Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- (a) bilakah Kerajaan akan memberi pengiktirafan kepada ijazah dari universiti Negeri China dan Taiwan; dan
- (b) senarai nama universiti-universiti yang diiktiraf.

JAWAPAN: YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Penilaian dan pengiktirafan ke atas sesuatu kelayakan yang dijalankan oleh Kerajaan adalah dikaitkan dengan keperluan dalam Perkhidmatan Awam dan keutamaan adalah diberikan kepada kelayakan yang dikeluarkan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan.

Pengiktirafan kelayakan adalah di bawah bidang kuasa Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK) yang dipengerusikan oleh YB Menteri Pengajian Tinggi Malaysia. Keputusan adalah dibuat berdasarkan perakuan daripada Jawatankuasa Kecil yang berkaitan. Panel penilai yang menganggotai Jawatankuasa Ad-Hoc Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan menjalankan penilaian ke atas dokumen yang dikemukakan oleh pihak universiti atau lawatan penilaian ke universiti-universiti yang terlibat.

Pada ketika ini, terdapat sebanyak 18 kelayakan dari universiti- universiti di Taiwan dan 7 kelayakan dari Republik Rakyat China (RRC) yang telah diiktiraf oleh Kerajaan. Senarai kelayakan adalah seperti berikut:

Taiwan

- 1) *Doctor of Dental Surgery* dari China Medical College
Taichung/China Medical University
- 2) *Doctor of Dental Surgery* dari Chung Shan Medical and Dental
College/ Chung Shan Medical University
- 3) *Doctor of Dental Surgery* dari Dental College, National Medical
Centre, Taipei

- 4) *Doctor of Dental Surgery* dari Dental College, National Taiwan University, Taipei
- 5) *Doctor of Dental Surgery* dari Kaohsiung Medical College/ Kaohsiung Medical University
- 6) *Doctor of Dental Surgery* dari National Yang Ming Medical College, Shih Pai, Taipei
- 7) *Doctor of Dental Surgery* dari Taipei Medical College/ Taipei Medical University
- 8) *Doctor of Medicine* dari China Medical College Taichung/ China Medical University
- 9) *Doctor of Medicine* dari Chung Shan Medical and Dental College/ Chung Shan Medical University
- 10) *Doctor of Medicine* dari Kaohsiung Medical College/ Kaohsiung Medical University
- 11) *Doctor of Medicine* dari National Cheng Kung University - Medical College
- 12) *Doctor of Medicine* dari National Defence Medical College
- 13) *Doctor of Medicine* dari National Taiwan University - College of Medicine
- 14) *Doctor of Medicine* dari School of Medicine, National Yang Ming University

- 15) *Doctor of Medicine* dari Taipei Medical College/ Taipei Medical University
- 16) *Bachelor of Science (Pharmacy)* dari Kaohsiung Medical College/ Kaohsiung Medical University
- 17) *Bachelor of Science (Pharmacy)* dari National Taiwan University - College of Medicine
- 18) *Bachelor of Science (Pharmacy)* dari Taipei Medical College/Taipei Medical University

Republik Rakyat China

- 1) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Cina dari Beijing Foreign Studies University (BFSU)
- 2) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Cina dari Beijing Language and Culture University (BLCU)
- 3) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Cina dari Peking University (PU)
- 4) Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengajian Bahasa Cina dari Tsinghua University (TSU)
- 5) *Bachelor of Chinese Medicine* dari Beijing University of Chinese Medicine (BUCM)
- 6) *Bachelor of Chinese Medicine (Clinical Medicine)* dari Nanjing University of Chinese Medicine (NUCM)
- 7) *Bachelor of Medicine (Traditional Chinese Medicine)* dari Shanghai University of Traditional Chinese Medicine (SHUTCM)
- 8)

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN

LISAN

DARIPADA

DR. RAMASAMY a/l PALANISAMY [BATU KAWAN]

TARIKH

10 APRIL 2012

SOALAN

Dr. Ramasamy A/L Palanisamy [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimanakah Kerajaan Persekutuan bersedia untuk membantu masyarakat India seperti dilaung-laungkan oleh Perdana Menteri semasa perayaan Thaipusam di Batu Caves, Selangor.

JAWAPAN:

Semasa perayaan Thaipusam di Batu Caves, Selangor pada 6 Februari 2012, YAB Perdana Menteri dalam ucapannya telah menyentuh konsep *Nambikei* yang menggalakkan kerjasama antara agensi Kerajaan dan badan-badan bukan Kerajaan (NGO), khususnya dalam pelaksanaan inisiatif dan program bagi membantu masyarakat India.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, konsep *Nambikei* ini sebenarnya telahpun diamalkan oleh agensi-agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan, terutamanya dalam pelaksanaan program-program pembangunan khususnya program pembangunan sahsiah dan minda bagi kumpulan sasar. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan inisiatif dan program-program pembangunan kerana badan-badan bukan Kerajaan adalah lebih hampir dan lebih memahami aspirasi dan keperluan kumpulan sasar.

Melalui pendekatan ini, agensi Kerajaan Persekutuan menyalurkan dana bagi menyokong badan-badan bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai pengalaman, keupayaan dan kepakaran untuk melaksanakan inisiatif khusus program-program

pembangunan sosioekonomi, khususnya dalam aspek pembangunan sahsiah dan transformasi minda serta program-program pembangunan kapasiti dan kapabiliti.

Dari masa ke semasa, konsep ini akan diperluaskan kepada bidang- bidang lain termasuk kebudayaan dan pelancongan serta aktiviti-aktiviti lain yang berpotensi dapat memberikan hasil dan *outcome* yang besar serta cepat kepada kumpulan sasar yang dikenalpasti. Di samping itu, aspek pemantauan juga akan diperkemaskin bagi memastikan pelaksanaan konsep ‘Nambikei’ ini berjaya dilaksanakan secara berkesan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN

RAKYAT PERTANYAAN LISAN

DARIPADA DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR

[TUMPAT]

TARIKH 10 APRIL 2012 (SELASA)

SOALAN

Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan sudah melaksanakan keputusan berkenaan pengisytiharan harta oleh hakim-hakim dan adakah pelaksanaannya berjalan lancar.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Ketua Hakim Negara telah mengeluarkan Pekeliling Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2012 bertarikh 1 Mac 2012 untuk memberi penjelasan dan panduan mengenai perisyiharan harta oleh seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi dan Pesuruhjaya Kehakiman. Sebagai langkah permulaan terhadap arahan ini, seseorang hakim dikehendaki mengisyiharkan harta dalam tempoh 30 hari dari tarikh Pekeliling ini dikeluarkan dan selepas itu bagi setiap 3 tahun melainkan jika seseorang hakim itu memperolehi harta tambahan atau melupuskan harta yang mana hendaklah mengisyiharkannya selepas perolehan atau pelupusan harta itu dilakukan. Segala tindakan yang diambil terhadap perisyiharan harta hakim adalah sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kod Etika Hakim 2009.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA PARLIMEN
KEDUA BELAS (2012)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA YB DATO' SERI ABDUL HADI BIN AWANG
 [MARANG]**

TARIKH 10 APRIL 2012

SOALAN

NO. SOALAN: 65.

Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) untuk memajukan, mempertahankan dan memperluaskan lagi pemilikan tanah umat Islam di Kuala Lumpur.

JAWAPAN : (Y.B. SENATOR MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) dalam memajukan tanah umat Islam di Wilayah Persekutuan adalah seperti berikut:

- (a) MAIWP kini sedang membangunkan **Sekolah Menengah Agama MAIWP di Bandar Sri Permaisuri, Cheras Kuala Lumpur** di atas tanah seluas 8.414 ekar dengan kos sebanyak RM104.49 juta. Sekolah ini diharap akan dapat menampung permintaan masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan yang ingin menghantar anak mereka mengikuti pendidikan aliran agama;
- (b) Selain itu, MAIWP juga baru memulakan pembangunan sebuah kompleks dikenali **Darul Hidayah** di atas tanah seluas 1.63 ekar yang akan menempatkan saudara-saudara muslim yang memerlukan pembelaan. Kompleks ini diharap dapat memperkuuhkan akidah dan memantapkan ilmu agama di kalangan saudara baru melalui program-proram pengajian yang lebih teratur;

- (c) Suka juga saya memaklumkan bahawa tanah yang diwartakan oleh kerajaan kepada MAIWP dengan keluasan 98 ekar sebagai tanah **perkuburan** hampir siap dibangunkan dengan projek **Raudhatul Sakinah** melalui fasa pertama. Melalui projek ini, ia akan dapat memberi persepsi yang baik di kalangan masyarakat terhadap tanah perkuburan milik umat Islam.
- (d) Projek terbaru MAIWP yang menjadi kebanggaan umat Islam adalah **menara wakaf** setinggi 34 tingkat yang siap dibangunkan di atas tanah wakaf milik MAIWP seluas 1.21 ekar yang terletak di Jalan Perak, Kuala Lumpur. Projek tersebut merupakan projek komersial pertama yang dibangunkan di atas tanah wakaf dan

pembinaannya di tengah-tengah Lingkaran Segitiga Emas Kuala Lumpur menjadikannya sebagai mercu tanda kepada pemilikan hartanah komersial oleh umat Islam.

- (e) MAIWP juga sedang melaksanakan **pembinaan 3 buah masjid baru, 7 buah masjid yang dibina semula, 5 surau dan 6 Sekolah Rendah Agama** (SRA) dengan kos keseluruhan RM157 juta.

Tiga masjid baru berkenaan adalah seperti berikut:

- i. masjid Terminal Bersepadu Selatan iaitu bersebelahan PPR Desa Tun Razak;
- ii. masjid di Brickfields; dan
- iii. masjid di Bukit Jalil.

Manakala 7 buah masjid yang akan dibina semula adalah seperti berikut:

- i. Masjid Ubudiah, Segambut Dalam
- ii. Masjid Abu Hurairah, Jalan Ipoh
- iii. Masjid Anas bin Malik, Kampung Selayang Lama
- iv. Masjid Ar-Rahimah, Kampung Pandan
- v. Masjid Baitul Aman, Jalan Damai, Ampang
- vi. Masjid Jamek Ibnu Khaldun, Pekan Sungai Besi; dan
- vii. Masjid Ar-Rahman, Jalan Pantai Baru, Lembah Pantai.

Surau baru yang akan dibina pula adalah:

- i. Surau Hidayatul

Makmur, Batu 4, Jalan Klang Lama

- ii. Surau Ampat Tin,
Kampung Batu Muda
- iii. Surau An Nur, Taman Setapak Indah,
- iv. Surau Al Gaza, Jalan
Chow Kit; dan
- v. Surau Al Muhajirin,
Kompleks Pusat Islam.

Manakala 6 buah SRA yang akan dibina adalah:

- I- SRA Al-Mahmuddiah, Segambut Luar
- ii. SRA Air Panas, Setapak
- iii. SRA PPR Batu Muda
- iv. SRA Al-Qurtubi, Segambut Dalam
- v. SRA Al-Hidayah, AU3 Keramat; dan
- vi. SRA Presint 11, Putrajaya.

Bagi **mempertahankan tanah-tanah tersebut**, MAIWP memastikan tanah-tanah yang dimiliki tidak dijual kepada mana-mana pihak lain.

Dalam **usaha memperluaskan lagi pemilikan tanah umat Islam**, MAIWP berusaha mendapatkan tanah dan bangunan melalui pembelian di samping menambah pemilikan melalui terimaan wakaf dan pusaka. Antara usaha-usaha yang telah dilakukan ialah:

- (a) Pembelian deretan blok tiga (3) unit bangunan 3 tingkat dan dua

- (2) unit bangunan 5 tingkat di Danau Lumayan, Bandar Tasik Permaisuri yang dijadikan Sekolah Menengah Integrasi Sains Tahfiz MAIWP dan boleh memuatkan seramai 250 pelajar;
- (b) pembelian bangunan 4/4 tingkat di Selayang yang dijadikan Pusat Pembedahan Katarak dengan kerjasama Hospital Selayang dan Kementerian Kesihatan Malaysia;
- (c) pembelian 3 lot tanah di Jalan San Peng, Kuala Lumpur;
- (d) pembelian 2 unit bangunan kedai pejabat setinggi 2 tingkat di Promenade 2@8, Fasa 8C3, Presint 8, Putrajaya;
- (e) menerima pemilikan tanah secara wakaf dan pusaka. Pada tahun 2011, MAIWP telah memperolehi tanah wakaf seluas 0.72 ekar di Sungai Penchala, Kuala Lumpur daripada Ir. Hj. Md Mazlan bin Md. Ismail Merican yang diwakafkan untuk dijadikan sebagai pusat pengajian agama warga emas dikenali Dar Assakinah. Ianya telah mula beroperasi pada bulan Mac 2012.

Sekian, terima kasih.

